SELANGOR KINI

PP 19570/07/2020 (035196) **PERCUMA** 19 - 25 November 2020, 3 - 9 Rabiulakhir 1442

Agenda pendigitalan cipta peluang kerja

MUKA 3

Pelepasan yuran asas bantu siswa Unisel, Kuis

MUKA 10

Ikon pertanian jadi inspirasi petani muda

MUKA 12&13

Dapatkan edisi e-akhbar
www.selangorkini.my

MB: Pencemar air musuh utama kita

Sebahagian daripada 100 pencari kerja yang menghadiri temu duga dalam program Jelajah Selangor Bekerja 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15 November 2020. Proses itu berlangsung dengan mematuhi tatacara operasi piawai termasuk penjarakan fizikal. Foto Hafiz Othman. ***BERITA PENUH MUKA 5***

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar menyifatkan pencemar sumber air mentah sebagai "musuh utama" yang cuba merosakkan nama baik Kerajaan Selangor.

Dato' Seri Amirudin Shari menegaskan kerajaan tidak akan sesekali tunduk, sebaliknya berazam meningkatkan usaha bagi mengatasi pencemaran air mentah.

"Sekarang pencemar sungai adalah musuh pertama kita. Mereka menyangka dengan kaedah ini (cemar sungai) boleh melunturkan imej Kerajaan Negeri.

"Kita akan terus lawan pihak tidak bertanggungjawab dan meningkatkan kawalan," katanya di sini pada 12 November.

Amirudin juga menjelaskan Belanjawan Selangor 2021 menyediakan peruntukan khas bagi menangani isu pencemaran termasuk meluaskan penggunaan teknologi.

Tambahnya, dron akan digunakan untuk mengatasi isu pencerobohan, air tercemar pula disekat masuk ke sungai manakala bekalan disalur daripada beberapa kolam takungan.

"Kita percaya hal ini (pencemaran) dapat ditangani secara menyeluruh dalam tempoh 15 hingga 18 bulan melalui peruntukan RM200 juta dalam Belanjawan 2021," katanya lagi.

Mengikut belanjawan tersebut, Skuad Pantas akan membuat pemantauan 24 jam di lokasi sumber air, manakala bilangan stesen telemetri kualiti air sebagai sistem amaran awal di hulu muka sauk ditambah.

Pengepaman air mentah dari kolam takungan Sistem Hibdrid Peningkatan Air Pinggir Sungai (Horas) dibuat jika berlaku gangguan bekalan.

Usaha tersebut diyakini mampu mengurangkan sehingga 90 peratus risiko henti tugas di loji rawatan air, seterusnya mengelakkan gangguan bekalan kepada pengguna.

Pada 9 November lalu, Dewan Negeri Selangor meluluskan pindaan Enakmen Lembaga Air Urus Selangor yang mengenakan hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori dan denda maksimum RM1 juta.

Kebelakangan ini, pencemaran sumber air kerap berlaku, sebahagiannya disyaki "sabotaj", mengakibatkan penduduk Lembah Klang berdepan masalah bekalan air.

RM32 juta baik pulih pangsapuri uzur

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri berbelanja hampir RM32 juta untuk membaik pulih pangsapuri uzur dalam tempoh tiga tahun, kata EXCO perumahan dan kesejahteraan bandar.

Rodziah Ismail berkata sebanyak 56 pangsapuri kos rendah dan rendah sederhana menerima manfaat Skim Ceria antara tahun 2018 hingga hujung September tahun ini.

"Bagi pecahan mengikut daerah, kita lakukan kerja baik pulih 31 pangsapuri di Petaling, Hulu Langat (19) dan masing-masing tiga di Klang dan Gombak.

"Peruntukan tersebut bagi membaiki bumbung, mengecat bangunan dan menyelanggara lif serta pembentungan, sekali gus memberi keselesaan kepada rakyat," katanya pada 11 November.

Rodziah berkata pangsapuri berusia lebih 10 tahun diceriakan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah (B40) di bandar menghuni kediaman selesa.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta dalam belanjawan 2020 bagi menampung kos pembaikan kemudahan asas seperti tangki air, lif dan bumbung.

Keutamaan kerja baik pulih membabitkan bangunan yang menjejaskan pemandangan umum terutama pangsapuri dalam kawasan tumpuan orang ramai.

Skim berkenaan diperkenal Kerajaan Negeri pada 2015 khusus bagi membaiki lif pangsapuri sebelum inisiatif itu diperluas kepada pembaikan dan pengindahan.

EDISI DIGITAL SELANGOR KINI

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

3,550 pekerja Top Glove disaring

SHAH ALAM - Seramai 3,550 pekerja Top Glove, Klang akan menjalani ujian saringan Covid-19 mulai 18 November, kata ketua polis daerah Klang Utara.

Jumlah itu membabitkan semua penghuni di asrama kilang yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bermula 17 November.

"Penduduk yang tinggal berhampiran kilang iaitu di Jalan Abadi 5, Jalan Abadi 1A Off Jalan Teratai, Jalan Abadi 1A/KU8 dan Jalan Sesenduk 21 Off Jalan Teratai.

"Ujian saringan dilakukan Pejabat Kesihatan Daerah Klang selepas proses bancian dijalankan hari ini," kata Asisten Komisioner Nurulhuda Mohd Salleh pada 17 November.

Menurutnya, PKPD hingga 30 November itu membabitkan kawasan berkeluasan 6.3 hektar melibatkan 1,200 penduduk berhampiran selepas Kementerian Kesihatan mengesan 215 positif Covid-19.

PKPD Medan 88: 40 penduduk serah diri

SEPANG - Seramai 40 penduduk Medan 88, Bandar Baru Salak Tinggi yang tidak pulang ke rumah sejurus kawasan itu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tampil menyerah diri.

Ketua Polis Daerah Sepang ACP Wan Kamarul Azran Wan Yusof pada 18 November berkata ia melibatkan 14 rakyat tempatan iaitu 11 lelaki dan tiga wanita dan 26 warga asing (18 lelaki dan lapan wanita).

Beliau berkata 26 warga asing membabitkan Indonesia (12 lelaki dan empat wanita), Thailand (tiga lelaki dan empat wanita) dan masing-masing satu melibatkan India, Myanmar dan Nepal, semuanya lelaki.

Katanya, seramai 346 penduduk Medan 88 sudah menjalani saringan Covid-19. Daripada jumlah itu, 44 disahkan positif sebelum PKPD dilaksanakan manakala empat didapati positif selepas pelaksanaan itu. – BERNAMA

Kadar sembuh lebih tinggi

KUALA LUMPUR - Malaysia berjaya mengimbangi kes positif jangkitan Covid-19 dan pesakit yang sedang dirawat di hospital dengan kadar kesembuhan lebih tinggi berbanding ketika gelombang pertama dan kedua pandemik itu, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba.

Katanya kejayaan itu adalah hasil daripada usaha kerajaan yang menggunakan pelbagai langkah kesihatan awam dalam menangani pandemik dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan.

Perlu diingatkan bahawa setakat ini masih tiada ubat khusus untuk merawat Covid-19.

"Yang ada hanya rawatan yang berpatutan untuk kadar kesembuhan yang tinggi," katanya pada 17 September. – BERNAMA

Jelajah Selangor Bekerja di Sri Gombak, Saujana Utama

Lebih 6,000 jawatan menanti pemohon

Peserta menjalani sesi temu duga program Jelajah Selangor Bekerja 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15 November

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Sebanyak 6,567 peluang pekerjaan ditawarkan menerusi inisiatif Jelajah Selangor Bekerja di Gombak dan Kuala Selangor.

EXCO pembangunan generasi muda berkata program itu berlangsung di Dewan Taman Sri Gombak pada 21 November dan keesokannya di Dewan Saujana Utama.

"Sebanyak 18 syarikat menyertai acara di Gombak yang menawarkan 3,260 kekosongan dengan 1,171 daripadanya jawatan untuk lepasan siswazah.

"Selain itu, 1,240 pekerjaan turut menanti lepasan siswazah daripada keseluruhan 3,307 kekosongan yang ditawarkan 19 majikan dalam program di Saujana Utama, Paya Jaras," katanya pada 18 November.

Mohd Khairuddin Othman berkata pemohon perlu menjalani temu duga secara bersemuka mengikut tatacara operasi piawai atau dalam talian.

"Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan semua pencari kerja yang terjejas akibat Covid-19 mendapat pekerjaan lain," katanya.

Antara peluang pekerjaan adalah pensyarah, tutor al-Quran, pengurus jualan, pegawai penyelidik, juruteknik, operator pengeluaran dan penjaga stor.

Program Jelajah Selangor Bekerja 2020 anjuran Kerajaan Negeri menerima 9,969 permohonan sejak dibuka pada 15 September.

Terus waspada, tingkat disiplin elak jangkitan

SHAH ALAM - Penduduk Klang digesa tidak alpa dan meningkatkan disiplin bagi mengelak jangkitan Covid-19 susulan peningkatan kes kebelakangan ini.

Ahli Dewan Negeri Bandar Baru Klang berkata kegagalan masyarakat mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) dibimbangi mencetuskan situasi lebih buruk yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah terbabit.

"Jika penduduk bimbang (kawasan mereka) dikenakan PKPD maka teruskan amalan pematuhan SOP. Elakkan melepak, berkunjung ke tempat tumpuan awam termasuk mengadakan acara jamuan di rumah melibatkan kehadiran orang ramai.

"Walaupun kebanyakan kes berlaku di tempat kerja misalnya di asrama pekerja Top Glove namun masyarakat harus berwaspada," kata Dato' Teng Chang Khim pada 17 November.

EXCO pelaburan berkata pemahaman tinggi masyarakat terhadap ancaman wabak akan mendorong mereka mengadaptasi norma baharu dalam aktiviti seharian tanpa sebarang masalah.

"Sekiranya sebelum ini memakai pelitup muka dianggap sekadar untuk mengelak dikompaun maka mereka perlu memperbetulkan sikap itu kerana virus boleh menjangkiti sesiapa sahaja," katanya.

PKPD dikuatkuasakan di asrama pekerja asing Top Glove Corp Bhd di Meru, Klang selama 14 hari bermula 17 November melibatkan 5,700 pekerja.

Dalam kenyataan, pengeluar sarung tangan getah berkata pekerja yang terjejas mewakili 27 peratus jumlah pekerjanya iaitu 21,000.

Kes naik mendadak berkait tempat kerja

KUALA LUMPUR - Peningkatan mendadak kes Covid-19 di negeri di Lembah Klang sejak kebelakangan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kes berkaitan dengan tempat kerja, kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Ini berikutan ketiga-tiga negeri (Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya) adalah pusat tumpuan warga pekerja. Kepadatan penduduk di negeri-negeri ini juga menjadi salah satu faktor risiko meningkatnya kadar kebolehjangkitan atau penularan penyakit Covid-19," katanya pada 17 November.

Sementara itu, beliau berkata daripada 162 kluster aktif Covid-19 yang dilaporkan, sebanyak 72 kluster adalah berkaitan dengan tempat kerja.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyeru pihak majikan memainkan peranan lebih besar untuk bersama menangani penularan Covid-19 dalam negara.

Dr Noor Hisham berkata, antara tindakan yang boleh diambil pihak majikan adalah memberi pendidikan kepada pekerja tentang amalan kebersihan kendiri, persekitaran di tempat kerja dan tempat tinggal serta langkah pencegahan.

"Tindakan lain adalah menyediakan penginapan kondusif untuk memastikan penjarakan fizikal diamalkan serta memantau dan memastikan amalan pencegahan jangkitan dipraktikkan oleh pekerja di tempat kerja dan tempat penginapan mereka," katanya. -BERNAMA

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Media Selangor Informasi Terkini di jari anda
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Rodziah (tengah) dan Kamarul ketika program Bual Bicara di Studio 2 Media Selangor pada 14 November

PKP jejaskan pendapatan 36 peratus penduduk

Agenda pendigitalan diperhebat

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memperhebat inisiatif pendigitalan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat wabak Covid-19, kata EXCO pembangunan usahawan.

Rodziah Ismail berkata kajian mendapati pendapatan 36 peratus daripada 6.6 juta penduduk Selangor terjejas sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Kajian juga mendapati 84 peratus rakyat yang ada simpanan hanya mampu bertahan selama tiga bulan. Perkara ini membimbangkan kita.

"Cara untuk bantu adalah mengajar mereka bagaimana perniagaan dalam talian boleh mengubah nasib kerana ia boleh dilakukan tanpa perlu ada kedai atau gerai fizikal," katanya dalam program Bual Bicara anjuran Media Selangor pada 14 November.

Sejumlah RM369 juta diperuntuk bagi menjayakan agenda Negeri Pintar Ulung dan Agenda Digitalisasi dalam Belanjawan Selangor 2021.

Usaha itu bagi menggerak ekonomi secara holistik melalui transformasi sistem perkhidmatan, sosial, perniagaan dan keusahawanan, penciptaan nilai serta seni kreatif.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sebelum ini menjelaskan dasar itu tidak menjejaskan peluang pekerjaan tetapi mewujudkan peluang pekerjaan.

Cipta peluang kerja, sumber kekayaan baharu

SHAH ALAM - Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) menyasar untuk mencapai empat objektif melalui Inisiatif Digitalisasi Selangor yang diumum dalam Belanjawan 2021.

Ketua digitalisasinya berkata sasaran itu termasuk mewujudkan peluang pekerjaan dan pendapatan selain menyokong kelangsungan perusahaan kecil dan sederhana.

Kamarul Nizam Kassim menjelaskan usaha juga dipadu ke arah mewujudkan industri baharu dan mencipta sumber pendapatan baharu Kerajaan Negeri.

"Semua inisiatif tersebut membuka ruang kepada peluang pekerjaan dan perniagaan, seterusnya mencipta sumber kekayaan baharu untuk rakyat dan negeri.

"Inisiatif dilaksanakan antaranya Data Internet Selangor, Rakan Digital Selangor, Selangor Kerjaya, Selangor Freelancer dan Selangor Advance," katanya pada program Bual Bicara anjuran Media Selangor pada 14 November.

Kamarul Nizam berkata MBI turut mengenal pasti kerjasama dengan syarikat gergasi yang memiliki kepakaran tertentu bagi menjayakan agenda tersebut.

"Kita juga bercadang menggunakan Dana Inovasi Selangor untuk melabur dalam perniagaan baharu yang mampu melonjakkan pendapatan negeri," katanya lagi.

Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM369 juta bagi mencapai hasrat Negeri Pintar Ulung dan Agenda Digitalisasi.

800,000 rakyat belum ke arah digital

SHAH ALAM - Lebih 800,000 rakyat Selangor tidak menggunakan internet dan gagal menyesuaikan diri dengan ekosistem pendigitalan yang kian berkembang.

Ketua digitalisasi Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) berkata kelompok itu meliputi warga emas, peniaga kecil dan industri mikro serta belia berpendapatan rendah (B40).

"Kajian Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati 12.6 peratus rakyat Malaysia tidak menggunakan internet. Dalam konteks Selangor, kita anggarkan sekitar 831,000 individu terpinggir.

"Justeru, MBI mengambil inisiatif melantik 1,000 rakan digital untuk mengenal pasti dan membantu golongan sasar," kata Kamarul Nizam Kassim dalam program Bual Bicara anjuran Media Selangor pada 14 November.

Beliau berkata Kerajaan Negeri juga mahu menyegerakan proses pendigitalan dalam kalangan masyarakat, sesuai norma baharu pascawabak Covid-19.

"Wakil rakyat juga perlu memainkan peranan dengan memberi penerangan kepada masyarakat berhubung kepentingan dan manfaat pendigitalan," kata Kamarul Nizam.

Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM3 juta bagi memastikan warga emas, pengusaha kecil dan sederhana, industri mikro serta belia B40 meningkatkan kualiti hidup mereka.

Internet penentu negeri pintar

SHAH ALAM - Kejayaan Agenda Digitalisasi Selangor dan negeri pintar menjelang 2025 bergantung kepada capaian internet di negeri ini, kata EXCO pembangunan usahawan.

Rodziah Ismail berkata usaha meningkatkan kemudahan tersebut diberi tumpuan tahun depan bagi memastikan rakyat menerima capaian internet berkelajuan tinggi.

"Kita tidak akan berjaya melahirkan masyarakat digital atau masyarakat pintar jika capaian internet lemah, jadi ia menjadi cabaran kepada Kerajaan Negeri untuk menjayakan.

"Internet menjadi keperluan asas kehidupan yang sama penting seperti elektrik, air dan tempat tinggal," katanya pada program Bual Bicara anjuran Media Selangor.

Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM17.5 juta bagi menjayakan inisiatif WiFi dan Data Internet Selangor yang dijangka memberi manfaat hampir 54,000 pengguna.

Lebih 3,600 pusat akses WiFi Smart Selangor ditempatkan di seluruh negeri setakat ini.

Belia disaran niaga, manfaat dana Hijrah

SHAH ALAM - EXCO pembangunan generasi muda menyarankan golongan belia yang mahu mengembangkan perniagaan memohon pinjaman Yayasan Hijrah (Hijrah) Selangor.

Mohd Khairuddin Othman berkata Kerajaan Negeri mahu melahirkan ramai usahawan baharu atau membantu individu yang memerlukan modal tambahan untuk meningkatkan pendapatan.

"Dunia hari ini memerlukan belia pantas merebut peluang jika tidak mahu ketinggalan. Sekiranya ada skim atau peruntukan yang kerajaan berikan, terus ambil jangan lepaskan peluang.

"Kita mahu pastikan pembangunan belia di negeri ini terus diperkasa melalui pelbagai pelbagai jenis bantuan, tajaan mahupun pembiayaan," katanya pada program bual bicara anjuran Suara Merdeka pada 18 November.

Melalui Belanjawan Selangor 2021, Hijrah menerima peruntukan RM15 juta bagi membantu usahawan membuat pinjaman.

Setakat ini, Hijrah menyalur pinjaman RM517 juta bagi membantu 53,958 usahawan.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Pertahan status warta hutan simpan

SHAH ALAM - Dewan Negeri Selangor (DNS) pada 11 November lalu meluluskan usul menggesa Kerajaan Negeri mempertahan status warta hutan simpan di seluruh negeri.

Usul yang dibawa Ahli Dewan Negeri (ADN) Kota Anggerik, Najwan Halimi diluluskan sebulat suara selepas dibahaskan empat ADN iaitu Edry Faizal Eddy Yusof dari Dusun Tua, Lim Yi Wei (Kampung Tunku), Dato' Mohd Imran Tamrin (Sungai Panjang) dan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya).

Najwan turut menggesa kawasan tadahan air dan hutan simpan dikekalkan serta dipelihara dengan baik supaya sumber air mencukupi pada masa depan.

"Ia selari dengan nasihat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj agar kawasan tadahan air dan hutan simpan di negeri ini kekal dipelihara dengan baik," katanya pada sidang DNS.

Sementara itu, EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan hutan simpan dikekalkan.

"Kita berjaya meningkatkan keluasan hutan sehingga 205,207 hektar atau 31.5 peratus dari keluasan negeri, pada masa sama 44,543 hektar hutan sudah diwarta di bawah kelas hutan tadahan air.

"Manakala 130,360 hektar diwarta sebagai hutan perlindungan," katanya.

Kerajaan Negeri menyasarkan tempoh lima tahun bagi mencapai 35 peratus keluasan hutan simpanan kekal.

Negeri, SKMM adakan perbincangan

Perkukuh jalinan komunikasi digital

Amirudin menerima kunjungan hormat delegasi SKMM bagi membincangkan usaha mengukuhkan pembangunan dan perkhidmatan komunikasi negeri ini di pejabatnya di Shah Alam pada 16 November

OLEH **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mencari jalan bagi memperkukuh pembangunan dan perkhidmatan komunikasi.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha itu khusus untuk manfaat rakyat Selangor selari misi ke arah Negeri Pintar Ulung menjelang 2025.

"Ini juga sejajar dengan misi Agenda Digitalisasi Selangor yang diumumkan ketika belanjawan negeri 2021 pada 30 Oktober lalu," tulisnya di Instagram pada 16 November.

Sebelum itu, Amirudin menerima kunjungan hormat delegasi SKMM diketuai Pengerusinya Dr Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek di pejabat Dato' Menteri Besar di sini.

Dalam pertemuan itu, beliau turut mendengar taklimat dan berbincang berhubung Jalinan Digital Negara yang melibatkan Selangor.

Sejumlah RM369 juta, atau satu pertiga dari keseluruhan belanja pembangunan, disediakan bagi menjayakan agenda Negeri Pintar Ulung dan Agenda Digitalisasi dalam Belanjawan Selangor 2021.

Amirudin berkata usaha itu bagi menggerak ekonomi secara holistik melalui transformasi sistem perkhidmatan, sosial, perniagaan dan keusahawanan, penciptaan nilai serta seni kreatif.

Beliau menjelaskan dasar itu tidak menjejaskan peluang pekerjaan tetapi mewujudkan peluang pekerjaan.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG
PENASIHAT Lembaga Editorial MSSB
PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar
KETUA PENGARANG Fazallah Pit
PENGARANG KANAN Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN
Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,
Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com
Nadiah Zamlus sitinadiah@mediaselangor.com
Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com
Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com
Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com
Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com
Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN
Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: *info@mediaselangor.com*

KDEBWM edar 400 unit tong sampah

SHAH ALAM - KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) menyumbang lebih 400 unit tong sampah pelbagai jenis ke serata Dewan Undangan Negeri (DUN) bermula awal tahun sehingga kini.

Ketua perhubungan awam dan medianya berkata sumbangan tong sampah pelbagai saiz menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporat bertujuan membantu penduduk dan memastikan negeri kekal bersih.

"Kita harap penyediaannya menggalakkan masyarakat membuang sisa domestik ke dalam tong sampah disediakan seterusnya memudahkan kutipan oleh KDEBWM," kata Mahfuzah Muhammad Tarmidi.

Terbaharu, KDEWBM menyumbang 10 unit tong sampah besar beroda (Leach Bin) iaitu enam untuk DUN Taman Templer dan empat DUN Subang Jaya.

Ia mengambil kira tong sedia ada yang rosak selain keperluan mendesak untuk menguruskan sampah lebih baik.

KDEB menyambut baik jika Ahli Dewan Negeri, persatuan penduduk atau agensi mahu membuat permohonan bagi mendapatkan kemudahan tersebut.

"KDEBWM akan menyemak dan menganalisis permohonan terlebih dahulu bergantung pada keperluan di kawasan berkaitan," katanya.

EDARAN SELANGOR

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Peserta mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) ketika menunggu giliran untuk ditemu duga dalam program Jelajah Selangor Bekerja 2020 di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15 November

Jelajah kerjaya di Kuala Selangor

Tawar hampir 3,000 peluang kerja

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

KUALA SELANGOR - Sebanyak 2,888 jawatan kosong pelbagai bidang ditawarkan dalam program Jelajah Selangor Bekerja di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15 November lalu.

Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati berkata program sehari itu membantu penduduk khususnya belia tempatan yang hilang pekerjaan atau mahu mencuba kerjaya baharu menghadiri temu duga.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan lagi pada tahun depan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

"Ini juga menggambarkan inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat dalam pelbagai cara sama ada menerusi penganjuran program kerjaya atau perniagaan dalam talian," kata Juwairiya Zulkifli.

EXCO pembangunan generasi muda pula berkata seramai 20 peserta yang menghadiri temu duga berkenaan diterima bekerja dalam pelbagai sektor antaranya perkhidmatan, perindustrian serta makanan dan minuman.

"Penganjur hanya memanggil dalam lingkungan 100 orang sahaja hadir temu duga susulan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), jika diikutkan bilangan pemohon mencecah ribuan.

"Program tersebut menawarkan lebih 2,000 peluang pekerjaan melibatkan 13 syarikat. Kita akui sedikit kecewa namun akur arahan MKN demi keselamatan semua pihak," kata Mohd Khairuddin Othman pada 16 November.

Beliau berkata Kerajaan Negeri akan mengemukakan rayuan kepada MKN supaya had peserta program kerjaya dibuat berdasarkan keluasan lokasi penganjuran.

Lebih 90 syarikat menyertai jelajah di lima lokasi bermula di Kuala Selangor, diikuti Sri Gombak, Gombak (21 November), Paya Jaras, Kuala Selangor (22 November), Hulu Langat (29 Disember) dan Shah Alam (5 dan 6 Disember).

Antara peluang pekerjaan ditawarkan adalah pensyarah, tutor al-Quran, pengurus jualan, pegawai penyelidik, juruteknik, operator pengeluaran, operator panggilan pemandu traktor terminal dan penjaga stor.

Pemohon perlu membuat pendaftaran awal menerusi:

- http://nfdot.com/ereg/views/jobfair
- Facebook Pusat Jobs Malaysia Selangor
- Instagram Jobs Malaysia Selangor
- 03-5524 7740 dan 03-5523 1309

Lebih 100 peserta hadiri temu duga

SHAH ALAM - Lebih 100 peserta menghadiri sesi temu duga dalam Program Jelajah Selangor Bekerja di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 15 November.

Kebanyakan peserta memuji inisiatif Kerajaan Negeri mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Siti Nur Syafiqah Husin, 25,

"Saya hilang pekerjaan sejak tiga bulan lepas selepas syarikat membuang pekerja dan berharap permohonan kali ini berjaya bagi meringankan beban keluarga."

Mas Mariam Ma'mor Jaafar, 23,

"Saya pernah menghadiri temu duga tetapi gagal dan hari ini saya yakinkan diri untuk hadir meskipun agak gementar."

Intan Najwa Samsudin, 29,

"Saya berharap Kerajaan Negeri dapat menganjurkan program kerjaya dan bengkel kemahiran diri untuk belia."

2,000 belia dapat manfaat RiDE

SHAH ALAM - Seramai 1,980 belia miskin bandar menerima manfaat program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) yang diperkenal Kerajaan Negeri tahun ini.

EXCO pembangunan generasi muda berkata baki 1,020 kuota bakal diisi sebelum 31 Disember sekali gus mencapai sasaran 3,000 peserta.

"Sebanyak 22,321 permohonan diterima sejak pendaftaran dibuka pada 1 Ogos dan pemilihan dibuat berdasarkan siapa cepat dia dapat.

"Peserta yang berjaya bakal mendapat subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM70 setahun," kata Mohd Khairuddin Othman pada 13 November.

Beliau berkata peserta bakal mengikuti kursus e-panggilan bersama BungkusIt, Zepto Express, Warong Rider dan Rantaian E-Bekalan Digital Selangor.

"Kita yakin inisiatif ini mencetuskan minat anak muda menceburi bidang berasaskan khidmat penghantaran yang semakin mendapat permintaan terutama ketika Covid-19," katanya.

Belanjawan Selangor 2021 memperuntuk RM2 juta bagi meneruskan program RiDE yang bakal diperluas kepada belia luar bandar.

Sasar turun kadar pengangguran

SHAH ALAM - Selangor berhasrat menurunkan kadar pengangguran bawah lima peratus pada tahun ini, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman berkata pelbagai program dirangka bagi menjayakan sasaran tersebut termasuk menganjurkan Jelajah Selangor Bekerja 2020.

"Kadar pengangguran di Selangor ketika ini adalah 5.5 peratus, sekiranya kita dapat turunkan kepada 4.5 peratus dikira cukup baik.

"Bukan bermaksud Kerajaan Negeri berpuas hati dengan keadaan sekarang, sebaliknya kita sedang merancang pelbagai program bagi mewujudkan lebih banyak peluang kerja tahun depan," katanya pada 15 November.

Mengulas program Jelajah Selangor Bekerja 2020, Mohd Khairuddin berkata pihaknya menerima 9,969 permohonan sejak pendaftaran dibuka pada 15 September.

Beliau berkata program berkenaan meliputi sektor perkhidmatan, perkilangan, makanan dan minuman, kesihatan serta teknologi maklumat.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Guna khidmat JAS lupuskan sisa industri

RAWANG - Pemilik premis dinasihatkan menggunakan khidmat Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi melupuskan sisa industri meskipun memerlukan modal besar.

EXCO kerajaan tempatan berkata langkah itu dapat mengelakkan masalah pencemaran yang boleh menyusahkan pelbagai pihak.

"Jangan pentingkan diri. Pembuangan melalui longkang dan tandas akan sampai ke sungai seterusnya menjadi pencemaran.

"Kita memerlukan bantuan serta nasihat JAS berhubung efluen di kawasan industri memandangkan pihak berkuasa tempatan tidak ada kepakaran," kata Ng Sze Han pada 11 November.

Ahli Parlimen Selayang pula menggesa kerajaan persekutuan tidak berkompromi dalam kesalahan membabitkan pencemaran sebaliknya mengenakan tindakan tegas.

"Semua premis atau bengkel perlu bertanggungjawab terhadap sisa buangan mereka kerana ia memberi kesan kepada lebih satu juta penduduk," kata William Leong.

Seorang lagi suspek ditahan

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki direman tujuh hari mulai 13 hingga 19 November berhubung kejadian pencemaran bau air mentah di Sungai Selangor yang menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Lembah Klang, 10 November lalu.

Perintah reman ke atas suspek berusia 58 tahun itu dikeluarkan Majistret Nur Hafizah Rajuni di Mahkamah Majistret Selayang di sini, selepas membenarkan permohonan polis untuk mereman suspek selama tujuh hari.

Lelaki itu direman bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu bagi kesalahan melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan tali air sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pada 11 November lepas, empat individu termasuk dua pengarah syarikat pembinaan jalan raya berusia antara 33 dan 43 tahun ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan kes sama mengikut seksyen serupa. – BERNAMA

Gangguan bekalan LRA Sungai Selangor

Empat cemar air direman lanjut

KUALA LUMPUR - Tempoh tahanan reman seorang wanita yang merupakan pengarah di sebuah syarikat pembinaan jalan raya berhubung siasatan kes pencemaran bau air mentah di Sungai Selangor dilanjutkan sehingga 19 November oleh Mahkamah Majistret Selayang.

Majistret Nur Hafizah Rajuni juga membenarkan permohonan polis untuk melanjutkan tempoh tahanan reman selama enam hari terhadap tiga suspek lelaki sehingga 23 November ini.

Kesemua suspek berumur antara 33 hingga 43 tahun sebelum ini ditahan reman selama tujuh hari mulai 11 November lepas untuk membantu siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan iaitu bagi kesalahan melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan tali air sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Wanita itu yang berumur 40 tahun dan lelaki berumur 43 tahun yang merupakan pengarah syarikat itu dan dua lelaki yang seorang daripadanya adalah warga Bangladesh tiba di Kompleks Mahkamah Selayang pada 8.30 pagi dan dibawa masuk ke mahkamah untuk prosiding reman pada 9.30 pagi.

Sebelum ini, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dan Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 dan 3 telah dihenti tugas menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual melibatkan 1,139,008 akaun pengguna di Lembah Klang, berikutan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor.

Gangguan bekalan itu merangkumi 1,279 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat mulai 6 petang pada 10 November lepas. – BERNAMA

Aktivis gesa siasat unsur sabotaj

SHAH ALAM - Dakwaan unsur sabotaj dalam insiden pencemaran air di Selangor pada 10 November lalu perlu disiasat, kata Tan Sri Lee Lam Thye.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat berkata perkara itu kesalahan serius dan tidak boleh dimaafkan jika ia benar-benar berlaku.

"Ia bukan memberi kesan yang sedikit tetapi menjejaskan rakyat secara besar-besaran, justeru hukuman setimpal harus dijatuhkan terhadap pelaku," katanya seperti dilapor Berita Harian.

Lam Thye berkata pihak berkuasa perlu menyiasat secara mendalam hingga ke akar umbi bagi mencari pelaku insiden.

"Harapan tinggi diletakkan agar pelaku kes pencemaran air di Selangor dibawa ke muka pengadilan untuk dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

DIGITAL EDARAN SELANGOR

Lebih setengah juta diluluskan

Program usahawan kembang potensi niaga

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri meluluskan 175 permohonan geran peralatan program Pembangunan Usahawan India Selangor (Sitham) fasa pertama tahun ini membabitkan peruntukan RM557,991.66.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pemberian dengan nilai maksimum RM10,000 bagi setiap permohonan membantu usahawan memajukan perniagaan.

"Sitham menjalankan siasatan dengan ketua komuniti kaum India bagi memilih usahawan benar-benar layak menerima manfaat ini.

"Kita saring lebih 2,000 pemohon sejak permohonan dibuka dan mempergiat promosi peringkat bawahan, namun kita melihat kepada keutamaan dan potensi perniagaan," katanya pada 12 November.

Amirudin berkata tujuh usahawan dikenal pasti berpotensi untuk diangkat sebagai ikon melalui program Dana Usahawan Selangor dengan geran bernilai antara RM20,000 hingga RM30,000.

Beliau berkata seramai 12 usahawan pula dikenal pasti untuk menjadi ikon usahawan India Sitham di daerah masing-masing.

"Kerajaan Negeri berharap pemberian geran peralatan dapat membantu usahawan menambah produktiviti dan penjualan mereka," katanya lagi.

Sitham adalah program bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan yang dipengerusikan Rodziah Ismail dan dilaksanakan Hijrah Selangor.

Salah satu komponen program adalah penganjuran Bazar Deepavali yang diadakan saban tahun dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan.

Amirudin ditemani Rodziah menandatangani plak penyerahan geran peralatan ketika melancarkan program Sitham di Shah Alam

300 peniaga sertai e-Bazar Deepavali

SHAH ALAM - Seramai 300 usahawan menyertai program e-Bazar Deepavali bagi memasarkan produk secara dalam talian menjelang perayaan itu, baru-baru ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif dengan kerjasama rantaian e-Bekalan Digital Selangor (Seldec), KoHijrah Mall dan Meniaga.my membantu peniaga menjana pendapatan ketika perayaan.

"Bazar Deepavali merupakan aktiviti simbolik bagi membantu usahawan India menjual produk, namun akitiviti bazar secara fizikal tidak dapat dijalankan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

"Justeru, Kerajaan Negeri melancarkan inisiatif e-Bazar Deepavali bagi memberi rangkaian pemasaran lebih luas kepada usahawan terlibat melalui platform yang disediakan," katanya pada 12 November.

Beliau turut berharap pendekatan itu disambut baik oleh usahawan khususnya dalam mendepani situasi ekonomi yang mencabar ketika ini susulan pandemik Covid-19.

Had 20 di rumah ibadat bukan Islam

SHAH ALAM - Hanya 20 pengunjung dibenarkan berada dalam rumah ibadat bukan Islam di zon merah kes Covid-19, kata EXCO perpaduan.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata tatacara operasi piawai yang berkuat kuasa pada 11 November meliputi beberapa majlis.

"Majlis berkaitan resepsi perkahwinan, perarakan atau kenduri di kawasan zon merah tidak dibenarkan.

"Individu berisiko tinggi, berusia 70 tahun dan ke atas juga tidak dibenarkan hadir kecuali mereka pemimpin utama agama atau perasmi upacara keagamaan tersebut," katanya.

Beliau berkata kelas pengajian agama, upacara agama untuk pernikahan, pengebumian hanya dibenarkan di kawasan zon hijau.

"Tumpuan perlu diberi membabitkan penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan melakukan proses nyah kuman secara berkala," katanya.

KPS rangkul anugerah CSR

SHAH ALAM - Kumpulan Perangsang Selangor (KPS) merangkul Anugerah CSR Malaysia dan Anugerah Kemampanan 2020.

Pengiktirafan menerusi CSR Malaysia Publications dan Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemampanan dan Korporat Malaysia turut mengiktiraf 40 syarikat lain di negara ini.

KPS bersama Tenaga Nasional Bhd, operator restoran McDonald's Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd dan Bank Rakyat mendahului senarai penerima anugerah pada tahun ini berikutan kecemerlangan secara keseluruhan.

Pengerusi CSR Malaysia Datuk R Rajendran berkata syarikat swasta adalah pemacu ekonomi negara dan berada pada kedudukan baik untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dengan berkesan.

"Kriteria penilaian berdasarkan tujuan dan matlamat syarikat dalam inisiatif CSR serta impak dihasilkan dan kekerapan mengadakan program CSR," katanya seperti dilapor theedgemarkets.com.

EDARAN SELANGOR

SelangorTV Tonton SelangorTV selangortv.my

Tiga orang dalam satu kenderaan

KUALA LUMPUR - Kerajaan memberi kelonggaran bagi tatacara operasi piawai (SOP) dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dengan membenarkan tiga individu dalam satu kenderaan, berbanding dua orang sebelum ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata keputusan yang berkuat kuasa serta-merta itu mestilah dengan syarat penumpang dan pemandu itu dari rumah yang sama.

"Keputusan ini dibuat selepas kita mendengar pandangan dan permohonan orang ramai untuk menambah jumlah penumpang dalam kenderaan persendirian daripada rumah yang sama walaupun pihak polis sebelum ini telah memberi kelonggaran atas budi bicara mereka.

"Ini juga bagi memudahkan pihak polis membuat penguatkuasaan dan selaras dengan jumlah yang dibenarkan bagi kenderaan teksi dan e-panggilan," katanya pada 13 November. – BERNAMA

Agong isytihar darurat batal PRK Batu Sapi

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada 18 November lalu mengisytiharkan Proklamasi Darurat di Parlimen Batu Sapi, sekali gus membatalkan pilihan raya kecil kerusi itu.

Proklamasi darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dilakukan selepas memperhalusi penjelasan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mempersembahkan nasihat beliau susulan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri berhubung perkara itu.

"Dengan pengisytiharan ini juga apa-apa prosiding yang telah bermula bagi maksud perjalanan PRK bagi P.185 Batu Sapi tidak akan diteruskan dengan tujuan mengekang dan menghalang daripada berlakunya gelombang keempat penularan wabak Covid-19 dan satu tarikh yang lain akan ditetapkan untuk PRK tersebut.

"Maka dengan itu, Seri Paduka Baginda telah memberi perkenan supaya Pengisytiharan Proklamasi Darurat bagi P.185 Batu Sapi, Sabah dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung gejala wabak Covid-19," demikian menurut kenyataan Istana Negara. – BERNAMA

Pertahan kebajikan rakyat

Teliti semula Belanjawan 2021

OLEH **MOHD EZLI MASHUT**

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi gesaan supaya kerajaan persekutuan meneliti semula Belanjawan 2021 dan membuat pindaan bagi menjaga kebajikan rakyat.

Ketua pembangkang berkata pembangkang hanya menyokong belanjawan berkenaan jika ia fokus memerangi Covid-19.

Beliau juga tetap mempertahan emolumen penjawat awam, perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan untuk barisan hadapan serta kelengkapan perubatan dan kesihatan.

"Saya yakin bahawa kita mampu mengemukakan belanjawan atau pindaan yang lebih baik untuk kepentingan rakyat," kata presiden Parti Keadilan Rakyat dalam kenyataan pada 15 November.

Anwar juga kesal berikutan menteri kewangan membayangkan gaji penjawat awam dan bayaran kepada petugas barisan hadapan terjejas jika Belanjawan 2021 tidak diluluskan.

"Saya fikir ini satu kenyataan yang bersifat hambar dan berbaur ugutan serta sebahagian dari rencana untuk mengenepikan suara majoriti ahli parlimen," katanya.

RMK-12 buka ruang orang ramai beri cadangan

KUALA LUMPUR - Orang ramai dipelawa untuk berkongsi cadangan dan pendapat mengenai hala tuju pembangunan negara sebagai input dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMK-12).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata pandangan boleh diberi tumpuan dalam beberapa bidang iaitu langkah memulihkan semula ekonomi, menangani isu kemiskinan, pembangunan modal insan mahir, penerimagunaan teknologi dan pendigitan.

Katanya bidang lain ialah penyertaan masyarakat dalam ekonomi digital, kelestarian alam sekitar, pembangunan Sabah dan Sarawak serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam.

"Menyedari bahawa negara sedang berada dalam situasi yang sukar dan mencabar akibat pandemik Covid-19, kerajaan amat prihatin dan berusaha memastikan RMK-12 yang sedang dalam peringkat akhir penyediaan, digubal untuk membolehkan ekonomi negara kembali pulih dan berdaya saing," katanya pada 18 November.

Mustapa berkata RMK-12 yang akan dibentangkan di Parlimen pada awal 2021 merupakan penyediaan menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan untuk mewujudkan pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta membina negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Pelbagai pihak termasuklah sektor swasta, akademia, badan bukan kerajaan dan rakyat boleh berkongsi cadangan melalui laman web khas di http://rmke12.epu.gov.my/engagement dan menggunakan tanda pagar (hashtag) #RMKe12 di media sosial Facebook, Twitter dan Instagram.

Cadangan boleh dikemukakan mulai 18 November hingga 2 Disember 2020, katanya. – BERNAMA

Media Selangor Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

i-Sinar beri manfaat kepada dua juta pencarum

Boleh keluar sehingga RM60,000 dari Akaun 1

KUALA LUMPUR - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menjangka kemudahan i-Sinar bakal memberi manfaat kepada dua juta ahli yang layak dan dianggarkan sejumlah RM14 bilion akan disediakan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Tunku Alizakri Raja Muhammad Alias berkata KWSP telah memperluaskan skop i-Sinar yang merangkumi ahli yang kehilangan pekerjaan, diberi cuti tanpa gaji atau tiada sumber pendapatan.

Secara umum, ahli yang layak boleh mengakses 10 peratus daripada amaun simpanan mereka dalam Akaun 1, tertakluk kepada baki minimum RM100.

"Bagi ahli yang mempunyai baki RM90,000 dan ke bawah dalam Akaun 1, mereka akan mempunyai akses kepada amaun sehingga RM9,000.

"Bagi ahli yang mempunyai baki lebih daripada RM90,000 dalam Akaun 1, mereka akan mempunyai akses 10 peratus. Bagaimanapun, amaun maksimum yang boleh didahulukan adalah RM60,000," katanya pada 16 November.

Beliau berkata amaun pendahuluan akan dikreditkan secara berkala sehingga tempoh enam bulan dengan pendahuluan bulan pertama sehingga RM4,000 bagi yang memiliki simpanan Akaun 1 sebanyak RM90,000 ke bawah dan sehingga RM10,000 bagi mereka yang mempunyai simpanan lebih RM90,000 dalam Akaun 1.

Ahli yang memilih untuk memohon kemudahan i-Sinar perlu menggantikan amaun yang telah didahulukan.

"Caruman baharu akan dikreditkan 100 peratus dalam Akaun 1 sehingga amaun pendahuluan yang diterima telah digantikan semula. Selepas itu, caruman akan kembali ke kadar pecahan asal iaitu 70 peratus bagi Akaun 1 dan 30 peratus bagi Akaun 2," katanya.

Ahli yang layak boleh membuat permohonan bermula Disember 2020 dan amaun akan dikreditkan dalam akaun bank ahli pada hujung bulan selepas permohonan dibuat.

"Pengkreditan pertama akan bermula pada Januari 2021. Amaun pendahuluan ini akan dikreditkan secara berkala sehingga enam bulan bermula pada tarikh pertama pengkreditan," katanya.

Kemudahan itu adalah bertujuan menyediakan dana tambahan kepada ahli yang terkesan untuk memastikan kelangsungan hidup semasa krisis dan simpanan persaraan masa depan, kata Alizakri. – BERNAMA

Kemudahan cukup tampung pesakit

PUTRAJAYA - Kemudahan di Kementerian Kesihatan (KKM) masih mencukupi untuk merawat pesakit Covid-19 yang semakin bertambah dan pada masa ini tiada keperluan untuk membuka semula pusat kuarantin di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, KKM telah mengenal pasti beberapa hospital untuk menampung kes-kes Covid-19 yang semakin bertambah, termasuk menambah jumlah katil.

"Setakat ini kita menggunakan dua blok Insitut Latihan Kementerian Kesihatan yang sedia ada dan akan tambah kepada empat blok, termasuk meningkatkan jumlah katil yang sedia ada kepada 1,800 katil.

"Kita juga boleh tambah lagi kapasiti blok yang terlibat iaitu kalau kita guna satu bilik dua orang kita boleh dapat 4,200 katil," katanya pada 16 November.

Selain itu katanya, KKM juga menggunakan Hospital Rehabilitasi Cheras, Hospital Angkatan Tentera, Pusat Kawalan Kusta Negara di Hospital Sungai Buloh dan blok lama untuk bersalin Hospital Kuala Lumpur, sebagai pusat kuarantin dan rawatan pesakit Covid-19. – BERNAMA

TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

Unit Bumiputera, Pakej Istimewa

Aman 1: Pemaju : Tropicana Aman Sdn. Bhd (1030655-A) • Alamat Pemaju : Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No, 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No Lesen Pemaju:14012-5/12-2019/01073(L) • Tempoh:19/12/2019 – 18/12/2020 • No Permit Iklan dan Jualan:14012-5/12-2019/01073(P) • Tempoh:19/12/2019 – 18/12/2020 • No Rujukan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1232(11) • Pihak Berkuasa yang meluluskan Majlis Daerah Kuala Langat • Jangka Siap: Disember 2020 • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: 99 Tahun (Tarikh Luput 09/11/2110). Jenis Bangunan: Pangsapuri. • Jumlah Baki Unit: Blok A - 1 unit; Blok B - 4 unit; Blok C - 76 unit; Blok D - 148 unit • Keluasan Binaan Baki unit Blok A: 870 kps (min) - 1,000 kps (maks); Blok B: 870 kps (min) - 1,000 kps (maks); Blok C: 870 kps (min) - 1,000 kps (maks); Blok D: 870 kps (min) - 1,000 kps (maks) • Harga Jualan Baki Unit : Blok A : RM490,800 (min & maks) • Blok B: RM656,800 (min) - RM683,800 (maks) • Blok C: RM568,800 (min) - RM746,800 (maks) • Blok D: RM444,800 (min) - RM777,800 (maks) • 7% Diskaun Bumiputra • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini hanya boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
Dalia: Pemaju : Tropicana Aman Sdn. Bhd. • Alamat Pemaju : Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No, 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. • No. Lesen Pemaju: 14012-4/10-2021/03179(L) • Tempoh Sah: 21/10/2020 - 20/10/2021 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-4/10-2021/03179(P) • Tempoh Sah: 21/10/2020 - 20/10/2021 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Daerah Kuala Langat i No. Rujukan Pelan Bangunan : MDKL/JKB/2/4/1220 (7) • Tarikh Dijangka Siap: Oct 2020 • Pegangan Tanah: 99 Tahun (Tarikh Luput 09/11/2110) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan : Rumah Berkembar 2 Tingkat; Rumah Zero Lot 2 Tingkat; Rumah Banglo 2 Tingkat • Jumlah Baki Unit: Rumah Berkembar 2 Tingkat ñ 56 Unit • Rumah Lot Zero 2 Tingkat - 12 Units • Rumah Banglo 2 Tingkat - 3 Units • Harga Jualan Baki Unit : Rumah Berkembar 2 Tingkat : RM1,647,800 (Min) - RM4,181,800 (Maks); Rumah Zero Lot 2 Tingkat: RM3,212,800 (Min) - RM3,620,800 (Maks); Rumah Banglo 2 Tingkat RM3,085,800 (Min) - RM4,185,800 (Maks) • Keluasan Bangunan: Rumah Berkembar 2 Tingkat : 3,976.08 kps (Min & Maks); Rumah Zero Lot 2 Tingkat : 4,616.64Kps (Min & Maks); Rumah Banglo 2 Tingkat : 4,803.07Kps (Min & Maks) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
Elemen: Pemaju: Tropicana Aman Sdn. Bhd. (1030655-A) I Alamat Pemaju: Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower, No, 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No. Lesen Pemaju: 14012-6/11-2021/01100(L) • Tempoh Sah: 19/11/2019 - 18/11/2021 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14012-6/11/2021/01100(P) • Tempoh Sah: 19/11/2019 - 18/11/2021 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Daerah Kuala Langat • No. Rujukan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1332(10) • Tarikh Dijangka Siap: November 2022 • Pegangan Tanah: 99 Tahun (Tarikh Luput: 09/11/2110) • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Bangunan: Rumah Teres 2 Tingkat • Jumlah Unit: 233 Unit (Jenis A: 56 Unit; Jenis A1: 20 Unit; Jenis A2: 10 Unit; Jenis B: 107 Unit; Jenis B1: 20 Unit; Jenis B2: 20 Unit) • Harga Jualan: RM1,166,800 (Min.) - RM2,664,800 (Maks.) (Jenis A: RM1,508,800 (Min.) - RM1,921,800 (Maks.); Jenis A1: RM1,782,800 (Min.) - RM2,170,800 (Maks.); Jenis A2: RM2,102,800 (Min.) - RM2,664,800 (Maks.); Jenis B: RM1,166,800 (Min.) - RM1,736,800 (Maks.); Jenis B1: RM1,687,800 (Min.) - RM1,800,800 (Maks.); Jenis B2: RM1,729,800 (Min.) - RM2,297,800 (Maks.)) • Keluasan Bangunan: 3,013.89kps (Min.) - 3,172.12kps (Maks.) (Jenis A: 3,056.30kps; Jenis A1: 3,171.12kps; Jenis A2: 3,172.12kps; Jenis B: 3,013.89kps; Jenis B1: 3,142.31kps; Jenis B2: 3,142.31kps) • 7% Diskaun Bumiputera • Sekatan-sekatan Kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Tropicana Aman tidak berkaitan dalam apa jua cara dengan kumpulan Aman.

Pemaju:
Tropicana Aman Sdn Bhd *1030655-A*
Unit 1301, Level 13, Tropicana Gardens Office Tower,
No, 2A, Persiaran Surian, Tropicana Indah,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan
t +603 7663 6888
e enquiry@tropicanacorp.com.my

Tropicana Aman Property Gallery
No 2, Persiaran Aman Perdana 3, Bandar Tropicana Aman,
42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
GPS Coordinates: N 2.951494 , E 101.546007
Waze: Tropicana Aman New Property Gallery
https://waze.to/lr/hw28oy9r9d

*Tertakluk pada terma dan syarat

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

18,000 pelajar Kuis, Unisel dapat manfaat

Pelepasan yuran bantu siswa

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Program Bantuan Yuran Asas Universiti (Bayu) memberi manfaat kepada pelajar Universiti Selangor (Unisel) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Diumumkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2021, program itu memberi pelepasan yuran asas kepada siswa dua institusi berkenaan.

Rektor Kuis mengakui hampir 8,000 pelajar menerima manfaat. Bagaimanapun, pihaknya belum menetapkan jumlah dan kriteria untuk pelajar yang layak menerima inisiatif itu.

"Dari segi kriteria pelajar dan syarat ia masih dalam perbincangan. Namun kita harap semua pelajar akan dapat manfaat. Kuis akan usahakan sebaik-baiknya untuk mengurangkan beban pelajar akibat pandemik Covid-19," kata Prof Dato' Ab Halim Tamuri. Beliau juga akan berbincang dengan Kerajaan Negeri dalam masa terdekat berhubung bentuk pelaksanaannya.

Ab Halim juga menjelaskan hampir separuh pelajar baharu yang mendaftar untuk menyambung pengajian setiap kali semester berasal dari Selangor, selebihnya negeri lain.

Kuis menyepadukan kurikulum pengajian Islam dan bidang lain yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kuis juga memiliki persekitaran cantik dan menampilkan suasana berasaskan nilai-nilai Islam. Kemudahan asrama turut disediakan. Lokasinya berdekatan perkhidmatan komuter dan lapangan terbang selain kedai.

Suntikan RM600

Pengurusan Unisel pula menganggar lebih 10,000 pelajar bakal menerima manfaat sekitar RM600 menerusi inisiatif tersebut.

Pengarah Komunikasi Korporatnya Hasril Abu Hassan berkata pihaknya bercadang manfaat itu dibahagi kepada tiga semester. Yuran bagi setiap semester tidak sama, tertakluk kepada pelbagai kriteria.

"Menerusi inisiatif Bayu, pihak universiti yakin pelajar dari kategori berpendapatan rendah (B40) secara khususnya akan menerima suntikan hampir RM600 untuk yuran asas pengajian pada tahun hadapan," katanya.

Hasril juga menyifatkan inisiatif sedemikian meringankan beban pelajar dan keluarga yang terjejas akibat dampak Covid-19 hingga mengakibatkan sistem pembelajaran di dewan kuliah beralih kepada teknologi dalam talian.

BANTUAN YURAN ASAS UNIVERSITI (BAYU)

Pengurusan Unisel juga akan mengadakan pertemuan dengan Kerajaan Negeri dalam masa terdekat bagi mendapatkan gambaran lebih jelas.

Kemasukan November 2020 masih dibuka. Bakal pelajar yang berminat boleh menghubungi talian 03-5522 3400 atau WhatsApp ke 018-571 4084 / 018-571 4087 atau layari www.unisel.edu.my

Insentif lain

- Program Tuisyen Rakyat Selangor RM13 juta
- Fast Track Tahfiz RM2 juta
- Inisiatif Kemahiran Teknikal Dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) RM15 juta
- Penubuhan Kursi Menteri Besar Selangor RM5 juta
- Program Khas Selangor Bitara RM1 juta

Tambahan 30,000 unit Rumah Selangorku

PINDAAN syarat Rumah Selangorku jenis A, B, C dan D kepada jenis E dijangka menambahkan kerancakan pembinaan unit rumah berkenaan.

Insentif dalam Belanjawan Selangor 2021 bakal menambah 30,000 unit Rumah Selangorku dan menjadikan jumlah keseluruhan 60,000 unit dalam tempoh tiga tahun.

Kemudahan itu juga dijangka menarik minat pemaju untuk mempercepat pembinaan Rumah Selangorku Idaman dan Harapan yang berkeluasan 1,000 kaki persegi pada harga maksimum RM250,000 seunit.

Kelengkapan asasnya pula meliputi kabinet dapur, penghawa dingin dan almari baju di semua bilik serta pemanas air (semua bilik mandi). Ia lebih memberi keselesaan kepada pembeli berbanding jenis A dan B yang cuma dilengkapi kipas, lampu dan pintu jeriji.

RUMAH SELANGORKU

Kriteria kelayakan

Jenis A: Maksimum pendapatan isi rumah RM3,000 sebulan

Jenis lain: Pendapatan bulanan bawah RM10,000 sebulan

Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) Dato' Dr Juhari Ahmad berkata permohonan dibuka untuk dua tahun sehingga 31 Disember 2022. Pemaju perlu membina unit Rumah Selangorku dalam tempoh tersebut.

"Pemaju disyaratkan memperuntuk 15 hingga 30 peratus daripada kehilangan/pindaan Rumah Selangorku jenis A dan B kepada LPHS secara percuma sebagai kontra atas pengecualian pindaan itu," katanya.

Semua permohonan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku untuk dibincang sebelum diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Jenis pindaan

Bagi menggalakkan pemaju yang komited membina Rumah Selangorku, LPHS membenarkan mereka memohon pindaan dari satu jenis ke satu jenis Rumah Selangorku.

Contohnya, kelulusan asal bagi membina 100 unit Rumah Selangorku jenis A boleh dipinda kepada 100 unit rumah jenis C. Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku boleh memberi pertimbangan terhadap syor itu.

Namun, pemaju perlu membayar 10 hingga 20 peratus daripada nilai perbezaan sebagai sumbangan kepada Kerajaan Negeri yang disalur semula ke program berkaitan perumahan.

Rumah Selangorku diperkenal pada 2014 iaitu rumah mampu milik untuk golongan isi rumah berpendapatan rendah, sederhana rendah dan sederhana yang menggantikan dasar Rumah Kos Rendah (RKR).

Penjenamaan semula Rumah Selangorku pada 2015 dilihat memberi keselesaan kepada pembeli daripada segi saiz, reka bentuk atau komunitinya berdasarkan kemampuan isi rumah pada harga RM42,000 sehingga RM250,000 seunit.

Rumah Selangorku dijenamakan lagi pada 2018. Ia perlu dibina mengikut spesifikasi lebih terperinci bagi memastikan harganya terkawal iaitu bawah RM250,000.

Ada lima kategori kelayakan berdasarkan pendapatan isi rumah pemohon iaitu maksimum RM3,000 sebulan bagi jenis A manakala maksimum hingga RM10,000 untuk jenis B, C, D, E.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI



Pendidikan digital tangani cabaran wabak

"Dalam apa-apa bentuk sistem ekonomi sekalipun, pemerintah memainkan peranan yang penting dalam pendidikan dan latihan. Dan jika pemerintah ingin membebaskan rakyatnya daripada belenggu kemiskinan, ia perlu memulakannya dengan pelaburan meningkatkan mutu manusia; pelaburan dalam kesihatan – kerana manusia yang sering sakit mempunyai produktiviti yang rendah; pelaburan dalam pendidikan dan keterampilan".

– Datuk Seri Anwar Ibrahim,
Gelombang Kebangkitan Asia, 1997

Keutamaan pendidikan ternyata tidak ada tolok bandingnya. Kemiskinan, yang sering dianggap musuh nombor wahid negara-negara di dunia, memang memerlukan pendidikan sebagai salah satu wadah utama dalam memeranginya.

Tidak mengejutkan apabila kemiskinan dikira sebagai salah satu pintu kepada kekufuran di dalam agama Islam. Dan kepentingan pendidikan jelas terjelma dalam kisah penciptaan Nabi Adam A.S sendiri yang mana, perkara pertama yang Allah S.W.T lakukan adalah mendidik baginda tentang 'nama-nama'— suatu proses asuhan terawal buat manusia seluruhnya. Saranan untuk terus belajar dan belajar diperkukuh kemudiannya dengan proklamasi "Iqra'" atau "Bacalah!" yang menjadi ayat pertama yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Seperti yang dikutip dalam petikan di atas, peranan kerajaan amnya dan Kerajaan Negeri khasnya semakin membengkak semenjak meletusnya pandemik yang kini sudah hampir setahun menghantui kehidupan kita. Berlatar belakang kenaikan meroket kes-kes jangkitan yang semakin menjadi-jadi, banyak sekolah dan taska terpaksa ditutup apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan. Banyak keriuhan yang timbul akibat penutupan sekolah serta universiti secara mengejut, dan ibubapa terpaksa berhadapan dengan keadaan yang memerlukan mereka kerja dari rumah sementara turut sama mendampingi anak-anak yang terpaksa belajar menggunakan komputer riba di bawah satu bumbung.

Cetus pendigitalan

Selangor mengorak langkah awal dengan mendakap lebih awal pendigitalan semenjak gagasan Smart Selangor dicetuskan lama sebelum pandemik. Ternyata saranan ini menepati masanya, lebih-lebih dalam bidang pendidikan dengan e-pembelajaran menjadi norma baharu yang tidak terelakkan. Namun, tidak dinafikan inisiatif sebegini tidak datang tanpa sebarang cabaran.

Kalau kita menyorot sejak awal tahun, Kerajaan Negeri menginsafi mahasiswa Selangor yang terkandas di sana-sini sewaktu awal krisis ini berlaku. Persiapan logistik diatur bagi mengelakkan sebarang keciciran – frasa tiada siapa ketinggalan (no man left behind) yang sering diulang dengan tindakan lanjut secara tersurat.

Tidak cukup dengan itu, bekalan makanan turut disediakan agar anak-anak Selangor tidak dibiarkan berperut kosong. Dari Borneo, malah sejauh pelajar-pelajar Ruwaq Jawi di Mesir telah dibantu dengan seboleh-bolehnya.

Untuk mendepani pandemik yang belum lagi nampak surutnya, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif untuk turut memberikan kad sim kepada mahasiswa kita bawah inisiatif Data Internet Selangor supaya kekangan infrasktruktur lama bawah WiFi Smart Selangor dapat dilengkapi. Tidak cukup dengan itu, bantuan Bayaran Yuran Asas (Bayu) turut diperkenal dalam Belanjawan Selangor 2021 agar dapat diringankan beban kewangan para pemuka generasi masa hadapan ini.

> **Berbekal pengetahuan digital yang dibiasakan bakal mempersiap kemampuan setiap warga untuk berfungsi dalam pasaran pengetahuan (k-economy) dan terbuka untuk inovasi yang lebih terkehadapan dalam menghadapi norma baharu seperti menjadi masyarakat nirtunai (cashless society) ataupun yang lebih maju seperti pengenalan digital (digital ID).**

Langkah-langkah ini semua tidak lain bertujuan memberi kelegaan segera atas perkara yang mendesak.

Namun, Kerajaan Negeri tidak pernah berhenti menyokong sebarang usaha pemerkasaan pendidikan dengan turut menyediakan persiapan jangka panjang buat anak-anak Selangor.

Keusahawanan

Justeru, Belanjawan Selangor 2021 turut menggariskan program seperti Rakan Digital Selangor dalam menyokong usaha pendidikan sepanjang hayat (lifelong learning). Dengan menjadikan warga Selangor sama ada golongan pelajar mahupun golongan emas untuk celik digital, banyak usaha-usaha lain sama ada dalam membanteras kemiskinan mahupun penyakit mental akan dapat disokong dengan cara digital.

Berbekal pengetahuan digital yang dibiasakan bakal mempersiap kemampuan setiap warga untuk berfungsi dalam pasaran pengetahuan (k-economy) dan terbuka untuk inovasi yang lebih terkehadapan dalam menghadapi norma baharu seperti menjadi masyarakat nirtunai (cashless society) ataupun yang lebih maju seperti pengenalan digital (digital ID).

Satu lagi aspek pendidikan yang disokong kuat oleh Kerajaan Negeri adalah pendidikan keusahawanan.

Sepertimana yang pernah dikutip oleh makalah ditulis Haris Harun dalam Manifesto Sekolah Harapan terbitan 2017 Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), negara Eropah seperti United Kingdom, Norway dan Estonia telah menggiatkan secara serius pendidikan keusahawanan semenjak 2004 lagi dengan program nasional seperti Youth Entrepreneurship Strategy (Yes) dengan tema-tema seperti Lihat Peluang dan Pasti Dijayakan (See the Opportunities and Make Them Work!).

Malah, Lithuania menggariskan tiga strategi khusus pendidikan, yang turut meliputi penggalakan keusahawanan serta pendidikan celik kewangan (financial literacy).

Minggu hadapan kita akan bersama-sama menelusuri apakah lagi tawaran Selangor dalam aspek pendidikan, terutama pendidikan keusahawanan dalam usaha membina kecekalan rakyat mendepani zaman Covid-19 yang semakin mencabar.

Teks disediakan oleh Sekretariat Akhbar Pejabat Dato' Menteri Besar

DARAT SELANGOR

Sangkar ikan seluas 6,000 meter persegi memuatkan 220 kelong dibangunkan Khairudin di perairan Pulau Ketam, Klang. Spesies yang diternak termasuklah ikan merah, jenahak, kerapu hibrid, kerapu gergasi siakap dan bawal mas

▲ Kerapu hibrid antara spesies ikan yang menerima permintaan tinggi. Syarikat MIE Agro Sdn Bhd milik Khairuddin pernah menerima tempahan sehingga satu tan ikan jenis ini

▲ Satu pusingan tuaian mengambil masa minimum sembilan bulan apabila berat seekor ikan mencecah 1kg. Selain dijual ke restoran di Puchong, Selangor tempahan dalam tallian diterima dari Johor dan Perak

▲ Tube Ventures menggunakan sistem kawalan udara bagi memastikan suhu reban ayam normal sepanjang masa. Suhu yang berlebihan mudah menyebabkan ternakan sakit

Benih duit

Benih yang baik dicampak ke air jadi ikan, dicampak ke darat jadi tanaman. Begitulah ibarat kesungguhan 10 usahawan tani yang dinobat sebagai Ikon Agro Selangor pada September lalu.

Pulang dengan hadiah wang tunai RM10,000 dan kelengkapan pertanian, mereka dipilih berdasarkan penggunaan teknologi moden, kaedah pengeluaran hasil dan undian melalui YouTube.

Sebagai ikon tani, mereka akan berperanan sebagai duta untuk membimbing pengusaha muda dalam langkah Kerajaan Negeri menyediakan bekalan makanan yang mandiri dan terjamin.

Wartawan **Norrasyidah Arshad**, **Amin Ridzuan Ishak** dan **Aliff Fikri** bersama jurufoto **Asri Sapfie** dan **Remy Arifin** meninjau aktiviti yang dijayakan empat ikon tersebut: Addy Rendra Samuri, 31, dalam bidang sayur-sayuran, Khairudin Othman, 59, (penternakan ikan), Khartini Isa, 44, (sate ikan) dan Syaizul Abdullah Syamil Zulkaffly, 31, (penternakan ayam).

◀ Syaizul Abdullah, pengurus am Tube Ventures, membetulkan sistem air untuk ayam di rebannya di Sungai Pelek, Sepang. Sistem yang berfungsi 24 jam menyalurkan air bercampur vitamin dan antibiotik

Aplikasi di telefon boleh mengawal suhu dan lampu reban. Ia juga boleh mengawal alat agihan makanan, air dan kamera litar tertutup (CCTV) bagi memantau ayam. Ternakan yang sakit atau tidak aktif boleh dikesan lebih awal melalui CCTV

▲ Pekerja memasukkan perlit ke dalam 22,000 lubang hidroponik sebelum benih salad karang hijau diletakkan. Berat salad boleh mencecah 250 gram setiap lubang. Hasil tuaian boleh mencapai lima tan

◀ Ferry Noviansyah, 42, pekerja Bumi Suria Tech, menunjukkan cara pendebungaan benih jantan dan betina bagi pembiakan tembikai wangi. Buah matang atau masak kira-kira 45 hari selepas pendebungaan

▶ Pekerja Marget Rumansah, 19, membetulkan lilitan pokok timun pada sistem para atau junjung bagi membantu tanaman itu memanjat apabila mencecah usia dua minggu. Tanaman tersebut mengambil masa sebulan untuk matang. Hasil tuaian mencecah satu tan

▲ Khartini, pemilik Dr Tuna Sdn Bhd, dan suami Azanizam Aminuddin (kiri) bersama bungkusan sate tuna sirip kuning. Setiap pek 10 cucuk diperap dengan beberapa perisa seperti lada hitam, BBQ dan asli

▶ Pekerja mengeluarkan sate tuna sirip kuning dari kotak untuk dinyahbeku sebelum dipanggang di reruai jualan. Produk itu terpilih mewakili Malaysia dalam Kejohanan Olimpik Tokyo tetapi program tersebut dibatalkan akibat wabak Covid-19

▲ Sate tuna sirip kuning dipanggang menggunakan dapur sinaran inframerah bagi mengekalkan kelazatan dan teksturnya di gerai MyDr.Tuna di Laman Perikanan Maeps, Serdang

SELANGOR DIGITAL

Tonton SelangorTV
selangortv.my

Bantu pusat jagaan warga emas

SHAH ALAM - Pejabat Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing menyerahkan bantuan 10 set bantuan keperluan asas kepada Pusat Penjagaan Suria di Petaling Jaya.

Wakil rakyatnya R Rajiv berkata sumbangan bernilai RM1,000 itu diberikan kerana banyak pusat penjagaan terjejas akibat Covid-19 selain keluarga tidak boleh melawat lebih kerap seperti sebelum ini.

"Rumah jagaan ini menyediakan rawatan perubatan dan kebanyakan penduduk di sini menderita penyakit seperti polio, alzheimer, demensia, barah, angin ahmar dan koma.

"Golongan ini memerlukan penjagaan dan perhatian khusus kerana tidak dapat mengurus diri sendiri," katanya pada 18 November lalu.

Beliau yang melawat bersama Ahli Majis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Terence Tan berkata terdapat 13 penghuni terdiri daripada warga emas yang dijaga sepenuhnya petugas ketika ini.

Kesan lubang di benteng

Wakil rakyat pantau air pasang besar

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Fenomena air pasang besar yang melanda di pesisir pantai Taman Teluk Gedung Indah Pelabuhan Klang pada 15 November terkawal.

Pemantauan bersama Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Daerah Klang dan Skuad Pantas Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengesan aliran air menembusi benteng tetapi tidak membimbangkan.

"Sekitar 5.30 pagi, saya melakukan pemantau bersama agensi terlibat. Paras air laut tidak melepasi benteng yang sebelum ini sudah ditinggikan JPS.

"Kita juga kesan beberapa lubang kecil kemasukan air laut ke darat untuk segera dibaiki," kata Ahli Dewan Negeri (ADN) Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri.

Beliau berkata pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengelak banjir kilat berlaku di Taman Teluk Gedung Indah berikutan fenomena berkenaan.

Azmizam turun padang bersama JPS Klang dan Skuad Pantas MPK mengesan aliran air laut menembusi benteng

Persediaan menghadapi kemungkinan bencana dibuat membabitkan lima daerah iaitu Klang, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam antara 15 hingga 16 November.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri N42 Meru

- **Nama:** Mohd Fakhrulrazi Mohd Mokhtar
- **Tarikh Lahir:** 3 September 1978
- **Pendidikan:** BA Bahasa Arab, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- **Hobi:** Memancing
- **Falsafah Hidup:** Fokus dan amanah
- **Pekerjaan sebelum menjadi ADN:** Pendakwah bebas/ahli perniagaan
- **Alamat pejabat ADN:** No. 1 Jalan Nenas Sarawak KU /10, Taman Saujana, Off Persiaran Hamzah Alang, 41050 Klang
- **Nombor Telefon ADN:** 03-3392 0863
- **E-mel:** *fakhrulrazi@selangor.gov.my*
- **Facebook:** Mohd Fakhrulrazi Mokhtar



Khidmat kereta percuma di Taman Templer

SHAH ALAM - Bagi memastikan warga emas mudah untuk bergerak, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Taman Templer meneruskan perkhidmatan kereta percuma ke sembilan lokasi sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) itu setiap Rabu.

Ahli Dewan Negeri berkata inisiatif yang dimulakan sejak awal tahun melibatkan lokasi ke Maybank dan Bank Simpanan Nasional di Bandar Baru Selayang.

Ini termasuk ke Majlis Perbandaran Selayang, Pejabat Tanah, Syarikat Bekalan Air Selangor, Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak, Hospital Selayang, klinik kesihatan dan pejabat pos.

"Untuk warga emas, ada masalah kenderaan untuk ke sembilan tempat berikut? Jangan risau, PKM DUN Taman Templer menyediakan Kereta Peduli Percuma hantar dan ambil," kata Sany Hamzan pada 17 November.

Bagi yang berminat, hubungi pegawai tugas-tugas khas PKM Taman Templer, Rosli Kamaruddin di talian 018-321 3092.

Susulan menerima sambutan menggalakan dari orang ramai, Sany berhasrat memperluaskan perkhidmatan berkenaan untuk ibu tunggal dan golongan memerlukan.

508 ahli SMUE terima baucar Jom Shopping

SHAH ALAM - Seramai 508 ahli Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kelahiran Oktober dan November menerima baucar Jom Shopping dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang.

Agihan dilaksanakan secara berperingkat berikutan tatacara operasi piawai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bagi mengelak penularan Covid-19.

"Kita mengedarkan kepada 77 ahli. Penerima perlu mengambil baucar di Pusat Khidmat DUN Permatang pada masa dan hari yang ditetapkan sebelum membeli-belah di Pasaraya Mustafa, Pasir Penambang," kata Ahli Dewan Negerinya Rozana Zainal Abidin pada 16 November.

Ahli SMUE menunjukkan baucar Jom Shopping yang diterima pada 16 November

Ahli SMUE terdiri daripada warga emas berusia 60 tahun dan orang kelainan upaya. Mereka menerima baucar bernilai RM100 daripada Kerajaan Negeri mengikut bulan kelahiran masing-masing.

Untuk semakan status ahli boleh layari http://mesra.yawas.my/smue/. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan Jom Shopping SMUE Dun Permatang, boleh hubungi ditalian 011-3335 6746 atau 010-557 3736.

EDARAN DIGITAL SELANGOR

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

ADN SERI SETIA
Halimey Abu Bakar
Menyerahkan daging ayam sempena Deepavali kepada penduduk PJS 5 Desaria, Petaling Jaya

ADN HULU KELANG
Saari Sungib
Menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran di Dewan JKP MPAJ Zon 4, Keramat AU1, Hulu Kelang

ADN KUALA KUBU BAHARU
Lee Kee Hiong
Menyalurkan keperluan asas kepada warga Rumah Kebajikan Orang Tua dan Cacat Ulu Yam, Hulu Selangor

ADN TAMAN MEDAN
Syamsul Firdaus Supri
Bersama dalam program Jahitan Sulaman Bunga Riben di Butik Nora Andaman, Petaling Jaya

ADN SUNGAI RAMAL
Mazwan Johar
Menyediakan pek bantuan asas untuk diedar di Pusat Hentian Kajang, Hulu Langat

ADN SERI KEMBANGAN
Ean Yong Hian Wah
Memberi makanan percuma di Pasar Pagi Kampung Baru Seri Kembangan, Serdang

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Generasi sonder

Oleh **Siti Habibah Jasin**



Melalui ciapan bergambar penyair Karim Mohd, saya membaca suatu pusi berbentuk penyataan, seakan-akan sumpah Anak Alam. Pening saya dibuatnya. Kalau sebelum ini dia sibuk memuat naik video-video bacaan puisi ketika lewat malam atau menciap cuplikan-cuplikan puisi penyair luar, puisi Sumpah Sonder itu mendatangkan pertanyaan-pertanyaan kepada saya:

Apakah sonder? Adakah ia satu gerakan atau seruan dari beliau sendiri? Adakah ia merujuk kepada generasinya? Saya memerlukan penerangan lanjut. Tetapi sebelum itu biarlah saya meneka-neka dan menyatakan buah fikiran saya dalam tulisan ini.

Generasi penulis era kini saya fikir lebih beragam sifatnya daripada generasi ketika era letupan indie dahulu. Jika pada waktu tersebut, kebanyakan karya mereka lebih bersifat merata *(mass approachable* atau *appeal to the mass)*, penulis era pascaindie ini ternyata lebih merenung ke dalam dan mengamati suasana luar dengan lebih teliti.

Ketelitian pengamatan dan seterusnya dicerna ke dalam takungan kefahaman telah menghasilkan reaksi yang cakna kepada kenyataan. Begitulah saya melihat karya-karya mereka. Segar dan kontemporari tetapi relevan menyerlahkan; wajah kotor politik atau pincang masyarakat di samping melihat ke dalam diri sama ada dari segi rohani atau kemanusiaan.

Tidak dapat tidak soal weltanschauung (pandangan alam) karya-karya mereka dan karya-karya lama dahulu ketara berbeza. Pada tahun-tahun 50-an dan 60-an, perdebatan "Seni untuk masyarakat" dan "Seni untuk seni" begitu dominan. Kemudian khalayak sastera didatangkan pula dengan wacana Sastera Islam. Pasca 2000 pula isu-isu di sekitar sastera seperti kurang hangat walaupun pada ketika itu muncul Azman Hussin dan Faisal Tehrani. Namun dalam masa yang sama, apabila disebut perkataan sastera, ramai sedar ia ada semacam ikatan halimunan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hal ini bukanlah pelik kerana dari sana lahir ramai sasterawan besar tanah air.

Tetapi lama-kelamaan beban kelesuan dalam dunia sastera itu semakin memberat di bahu DBP. Entah salah siapa. Jalan lain menuju kesegaran semula adalah dengan meninggalkan dunia kelesuan itu. Hal ini boleh kita dapati, misalnya dari penerbitan karya-karya sastera oleh DBP sendiri; bilakah kali terakhir mereka menerbitkan kumpulan puisi yang sedap dibaca?

Cermin yang terlupa

Kenangan menjadi ranum
tika kupetik Oktober yang tumbuh
di geliat waktu
saat berbalas pandang di cermin
rembulan menjadi gempal
matahari mengejek
dari jendela yang mengecut

kuhafal di mana bayang-bayang
pernah hinggap dan singgah
bintang-bintang bermain di tangga
mengumpan cahaya yang terjulur
dari pancuran usia yang mongel

aku tersedar kala Oktober perlahan-lahan
menanggalkan kalendar di dinding
yang baru semalam kugantung

saat berpaling
aku adalah cermin yang terlupa
melahirkan diriku sendiri!

Siti Zaiton Ahmad

Bebas ikatan

Generasi sekarang berlepas dari ikatan atau autoriti mana-mana pihak. Atau kerana mereka mengenali DBP versi Komsas yang membosankan. Wajah sastera yang baharu ini digeluti anak-anak muda yang tidak pedulikan pengiktirafan hadiah sastera, siaran di akhbar atau majalah, atau perhatian daripada sasterawan-sasterawan mapan. Mereka berkarya kerana mereka sedar mereka perlu berkarya.

Desakan luar dan dalam dilihat sebagai pemacu utama semangat mereka. Ini sikap yang baik kerana darinya karya-karya yang kuat dan monumental tercipta. Penyair-penyair seperti Petak Daud, Hidayu Hatta dan Lucy M misalnya, melontarkan kritikan sosial yang cukup keras tetapi dengan gubahan bahasa indah. Maka tidak benar jika ada cakap-cakap mengatakan penyair baharu tidak sensitif terhadap keadaan semasa.

Karya-karya penyair baharu lain seperti Syaheeda Hamdani, Qurratul 'Ain dan Karim Mohd pula dilihat lebih banyak merenung ke dalam diri untuk mencari sesuatu dan sesuatu itu bagaikan diletak tugas pencariannya kepada pembaca pula. Karya mereka lebih bertekstur tetapi dalam masa yang sama berotot untuk mencengkam perhatian pembaca. Proses perenungan ke dalam diri pada suatu ketika akan menatijahkan sikap empati yang tinggi terhadap kompleksiti hidup yang dihadapi oleh orang di sekelilingnya. Hal ini sekali gus menghampiri konotasi sonder itu; serius terhadap diri dan sekitarnya. Barangkali inilah sumpah sondernya.

Walaupun dalam keragaman bentuk karya, saya masih dapat menerka titik temu antara karya-karya mereka. Cerpen-cerpen Azrin Fauzi, Syafiq Ghazali, Clariessa Kesulai atau Fariq Khir sangat berbeza. Dalam perbezaan ini mereka memberikan ruang kepada objek dan perasaan dengan lebih kemas dan selitan humor. Juga ada sisi noir yang diteroka dan pengalaman hidup yang ditempa dengan sangat baik lewat cerpen-cerpen Syafiq Ghazali atau Johan Radzi.

Saya katakan, cerpen mereka lebih berjaya memerah keluar intisari kehidupan ketimbang cerpen-cerpen yang memenangi Hadiah Sastera Perdana, misalnya. Kerana mereka percaya kepada ketulenan budaya penulisan itu sendiri tanpa sebarang tirai moral yang menyesakkan dada pembaca. Tirai-tirai inilah yang merencatkan kreativiti. Tiada penerokaan hal baharu jika ia masih menghalang pandangan penulis atau pembaca.

Saya teringat kepada esei SM Zakir yang menyebut generasi penulis sekarang adalah generasi sastera era transisi. Pergerakan dari fasa 'indie' kepada keadaan sekarang ini bukanlah berlaku secara tiba-tiba. Kebanyakan penulis ini telah membaca karya-karya pada zaman indie tersebut, malah membaca jauh daripada itu. Justeru mereka tetap menghargai apa-apa karya yang baik yang dihasilkan oleh sesiapa pun.

Naratif jitu

Dan simpulan daripada pembacaan cermat, mereka tahu mereka seharusnya menghasilkan karya yang berbeza dengan bahasa baru dan naratif yang lebih jitu tanpa mengesampingkan kelunakan penampilan isinya. Dan dunia media sosial yang gencar sangat membantu pengkarya-pengkarya ini untuk tumbuh subur. Kepantasan interaksi sebenar di antara penulis dan pembacanya yang rencam memberi pelbagai tafsiran terhadap suatu-suatu karya itu. Kritikan lebih terbuka dan pujian juga tampaknya dikenakan pada tempatnya.

Sonder adalah perkataan Belanda yang diserap ke dalam Bahasa Indonesia. Ia bermaksud "tanpa". Pertama kali saya menemukannya adalah dalam sajak Chairil Anwar; 'mengenali gurun, sonder ketemu, sonder mendarat/ - the only possible non-stop flight/tidak mendapat.'

Baha Zain juga pernah menggunakannya dalam sajak Penyair 69 yang terbit dalam kumpulan puisi sulungnya, Perempuan dan Bayang-bayang. Namun, selepas itu tidak ramai yang menggunakannya. Dalam pengertian Inggeris, sonder bermaksud kesedaran bahawa setiap pelintas jalan di hadapan kita menjalani kehidupan yang rumit seperti kita sendiri. Sama ada sonder berasal dari bahasa Belanda atau Inggeris, saya menyimpulkan kedua-dua pengertiannya menepati sifat dan sikap penulis generasi kini.

EDARAN SELANGOR
DIGITAL SELANGORKINI

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

USAHAWAN JAHITAN TEPIS PANCAROBA

Kaget rumah nyaris dilelong

> Wajah suami yang tiga bulan terkedang di rumah akibat nahas jalan raya turut terbayang. Muhammad Syafiee Ambok Dalek, 37, tidak mampu bekerja kerana berlaku pendarahan dalam otak. Bahu kanan juga patah

Oleh **Nazli Ibrahim**
Foto **Asri Sapfie**

Ketika berkereta ke Damansara Damai, Petaling Jaya, Mariam Hassan berhenti di persimpangan lampu isyarat. Sementara menunggu lampu hijau, pandangannya melilau memerhati suasana.

Tiba-tiba matanya menangkap tampalan iklan lelongan rumah pada tiang lampu isyarat. Nafasnya jadi sesak, fikirannya mula berkecamuk. Aghhh, rumahnya sendiri!

Tunggakan pinjaman bank mencecah enam bulan ketika itu, semuanya berjumlah RM8,000. Tunggakan bil air dan elektrik pula RM1,600, hanya tunggu masa dipotong.

Wajah suami yang tiga bulan terkedang di rumah akibat nahas jalan raya turut terbayang. Muhammad Syafiee Ambok Dalek, 37, tidak mampu bekerja kerana berlaku pendarahan dalam otak. Bahu kanan juga patah.

Ingatannya berselang-seli dengan kemerosotan perniagaan Qabilah Tailor yang diusahakan sejak 2011. Baru menginjak dua tahun kini terumbang-ambing. Rumah yang dijadikan premis niaga pula bakal dilelong.

Tiga kali pinjam

Mariam, 39, mula mempelajari selok-belok perniagaan jubah konvokesyen dari ibu dan bapa mentuanya. Selepas mahir, beliau dan suami membuka perniagaan sendiri berbekal sebuah mesin jahit.

Beliau memohon pinjaman Mikrokredit Miskin Bandar Selangor (kini Hijrah) sebanyak RM5,000 untuk membeli kelengkapan lain. Kerja menjahit dibuat di rumah. Mereka turut membuat blazer, bush jaket dan kemeja korporat.

Beberapa tahun kemudian, Mariam membuat pinjaman RM20,000 pula, kali ini bagi menambah stok jubah sewaan dan membeli mesin tambahan. Beliau juga mula menyewa premis di Pangsapuri Saujana.

Apabila tempahan kian banyak, Mariam meminjam lagi RM30,000 dari Hijrah untuk membeli mesin jahit terpakai dan menambah lagi stok jubah yang ada.

Beliau banyak menimba ilmu melalui Hijrah yang menawarkan kursus keusahawanan termasuk bimbingan pengurusan perniagaan dan kewangan.

"Usahawan yang memerlukan modal pusingan boleh cuba buat pinjaman Hijrah kerana ia mudah, cepat dan tiada birokrasi untuk kembangkan modal perniagaan," katanya kepada SelangorKini baru-baru ini.

Bersengkang mata

Kurang tiga minggu sebelum tarikh lelongan rumah, Mariam menerima tempahan jubah konvokesyen bernilai RM15,000 dari sebuah kolej di Kuala Lumpur.

Dibantu pekerja, beliau bersengkang mata menyiapkannya sambil berharap menerima bayaran sebelum tarikh lelongan.

"Hanya beberapa hari sebelum rumah saya dilelong, saya terima bayaran dan terus langsaikan tunggakan pinjaman dan bil," katanya

Berbekal baki wang selepas melangsaikan semua itu, Mariam menggunakannya sebagai modal pusingan untuk bangkit semula. Perlahan-lahan perniagaannya kembali stabil dan berkembang maju.

Kini, Mariam memiliki tujuh mesin dianggar bernilai RM20,000 dan lebih 1,000 pasang jubah untuk disewa kepada sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Biasanya tempahan jubah untuk sekolah berharga antara RM100 hingga RM150. Bagi institusi pengajian tinggi pula sekitar RM250 manakala jubah untuk orang kenamaan mencecah ribuan ringgit sepasang.

Mariam bukan sahaja menerima tempahan sekitar Lembah Klang bahkan dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Biasanya, tempahan diterima dalam talian atau lima ejen pemasarannya. Tempahan mampu mencecah 500 pasang.

Kini, Mariam berazam mengembangkan perniagaan dengan memperkenal jubahnya kepada lebih banyak lagi sekolah seluruh negara. Malah, Mariam berhasrat untuk membuka peluang kepada golongan asnaf mencari pendapatan tambahan dengan menjahit di rumah.

EDARAN DIGITAL

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Pertandingan foto tawar RM3,400

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang merebut wang tunai RM3,400 menerusi Pertandingan Fotografi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 2020.

Bermula 22 Oktober hingga 22 Disember, penyertaan terbuka kepada semua peringkat umur dalam tiga kategori iaitu pemandangan landskap, gaya hidup dan alam semula jadi.

Kamera, dron dan telefon pintar dibenarkan untuk merakam gambar di dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu.

Pemenang pertama bakal membawa pulang RM2,000, tempat kedua (RM1,000) dan tempat ketiga RM400 selain sijil penyertaan serta cenderahati.

Pemenang sagu hati untuk tempat keempat hingga kesepuluh menerima cenderahati dan sijil penyertaan.

Untuk syarat dan sebarang maklumat lanjut layari www.facebook.com/pertandinganfotografimpkj atau e-mel atau menghubungi 03-8737 7899 sambungan 7010.

Mohon permit niaga Tahun Baru Cina

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) membuka permohonan permit perniagaan sempena Tahun Baru Cina 2021 bermula 20 November hingga 3 Disember.

Sebanyak empat lokasi disediakan dengan 71 jumlah petak disediakan membabitkan Pasar Kampung Chempaka (23), Dataran Boulevard Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya (20), Pasar Taman Megah (16) dan Pasar Jalan Othman (12).

Permohonan dalam talian boleh dibuat melalui laman sesawang http://elesen.mbpj.gov.my dengan memasukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan.

Untuk keterangan lanjut, pemohon boleh menghubungi Jabatan Perlesenan di talian 03-7960 4667 atau 03-7960 9026.

MPS pantau semua lokasi panas

Tiga jentera lupus sisa haram disita

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menyita tiga jentera yang disyaki terbabit dalam aktiviti meratakan tanah dan melupuskan sampah secara haram.

Bahagian Perhubungan Awam Jabatan korporatnya berkata tindakan mengikut Seksyen 70A(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 diambil menerusi operasi pemantauan lokasi panas (hotspot) sampah haram.

"Pada operasi di Rumpun Buana Sungai Pusu, Gombak, MPS menyita sebuah jentera jengkaut dan sebuah jentolak di tapak pembuangan sampah haram.

"Manakala lokasi kedua di sebelah Petronas Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) menuju Lebuhraya Karak, MPS menyita sebuah backhoe yang sedang membuat kerja tanah tanpa kelulusan," katanya pada 16 November.

Pihak berkuasa tempatan itu memandang serius isu kerja tanah tanpa kelulusan dan sentiasa melaksanakan pemantauan berterusan.

Penguat kuasa MPS menyita jentera berat yang disyaki terbabit dalam aktiviti meratakan tanah dan pelupusan sampah secara haram pada 14 November

Gempur kilang punca pencemaran air

Keadaan kilang haram di Telok Gong yang menjalankan operasi menghancur plastik terpakai

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dan Majlis Perbandaran Klang (MPK) menggempur kilang haram di Telok Gong, Pelabuhan Klang pada 11 November lalu.

Menteri Alam Sekitar Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata siasatan mendapati sisa buangan kilang itu dibuang ke saliran dan menyebabkan pencemaran.

"Tahniah JAS Selangor! Operasi bersepadu dengan MPK telah menggempur kilang haram di Telok Gong.

"Kilang ini menjalankan aktiviti penghancuran dan cucian plastik terpakai. Air sisa dibuang ke alur air sehingga menyebabkan pencemaran," tulisnya di Facebook pada 13 November.

Susulan itu, kilang berkenaan disita mengikut Seksyen 38(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) berkuat kuasa 11 November.

17 bengkel diarah tutup, denda RM1,000

RAWANG - Sebanyak 17 bengkel sekitar premis yang menjadi punca pencemaran Sungai Selangor diarah tutup serta-merta pada 11 November lalu.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata pemilik premis turut dikenakan kompaun RM1,000 berikutan lesen operasi mereka tamat tempoh.

"Sekiranya didapati melanggar syarat, pemilik boleh dikenakan hukuman lebih berat mengikut Akta Alam Sekitar 1974.

"Kebanyakan premis menjalankan bengkel atau mengendali mesin jentera yang berisiko menyebabkan pencemaran," katanya selepas meninjau kawasan perindustrian Taman Velox dekat sini.

Beliau berkata operasi pantauan yang dilakukan Majlis Perbandaran Selayang dan Lembaga Urus Air Selangor turut memeriksa 45 premis lain.

"Premis yang tutup ini dibenarkan beroperasi semula selepas memperbaharui lesen serta memenuhi syarat ditetapkan.

"Berikutan itu pantauan akan dilakukan lebih kerap bagi memastikan semua pemilk premis mengikut arahan," katanya.

Pada 10 November lalu, loji rawatan air Rantau Panjang, Sungai Selangor Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 ditutup susulan pencemaran bau seakan-akan pelarut di Sungai Selangor.

Henti tugas memberi kesan gangguan air tidak berjadual kepada lebih 1.1 juta pemegang akaun di 1,279 kawasan sekitar Kuala Lumpur, Petaling, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.

EDARAN DIGITAL SELANGORKINI

Keadaan di Taman Teluk Gedung Indah, Pelabuhan Klang yang dinaiki air laut berikutan fenomena air pasang besar pada 16 November

Tiada kawasan terjejas

Air pasang besar di lima daerah terkawal

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Tiada limpahan besar hingga mengakibatkan banjir ketika fenomena air laut pasang besar melanda pesisir pantai Selangor pada 15 dan 16 November.

Pegawai operasi Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBNS) berkata paras air laut tertinggi direkodkan ialah 5.6 meter di Pelabuhan Klang tetapi tiada penempatan terjejas.

"Selain itu, pemantauan benteng pesisir pantai di Klang, Sepang, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam mendapati struktur penahan air kukuh dan selamat.

"Namun, kita menasihatkan penduduk di kawasan berisiko mematuhi arahan pihak berkuasa keselamatan dari semasa ke semasa," kata Muhammad Izzat Haziq Mohd Nazir.

UPBNS mengarahkan persediaan menghadapi bencana tahap tinggi dilaksanakan di lima daerah sepanjang tempoh dua hari itu.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memohon RM36 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk membaiki benteng pesisir pantai negeri.

Kajian keberkesanan benteng mendapati kebanyakan struktur yang dibina antara 15 hingga 20 tahun lalu tidak mampu menahan perubahan aras laut.

MBSA tunda 782 kenderaan terbiar

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menunda 782 kenderaan terbiar melalui pelbagai operasi sejak awal tahun sehingga September lalu.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya Shahrin Ahmad berkata penundaan dibuat mengikut Undang-Undang Kecil Taman (MBSA) 2005 di bawah Seksyen 46 (1) (e).

"Kenderaan dihantar ke Depoh Simpanan Tunda di Seksyen U16, Seksyen 17 dan Seksyen 31 Shah Alam dengan caj bagi simpanan di depoh sebanyak RM10 sehari," katanya pada 14 November.

Beliau berkata operasi itu bagi memastikan kenderaan terbiar di tempat awam tidak mendatangkan bahaya atau menimbulkan masalah lalu lintas.

"Kenderaan terbiar juga boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Justeru, orang ramai dinasihat tidak meninggalkan kenderaan terbiar di tempat awam kerana MBSA akan ambil tindakan," katanya.

Potongan RM20 kompaun parkir

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menawarkan pengurangan RM20 bagi setiap kompaun letak kereta berbayar kepada pemilik kenderaan yang mempunyai bayaran tertunggak.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan tawaran tersebut bermula 1 hingga 30 November.

"Langkah ini memberi ruang kepada orang ramai menjelaskan bayaran tertunggak sebelum tindakan pendakwaan di mahkamah," katanya pada 16 November.

MDKS memaklumkan pihaknya akan menjalankan tindakan tersebut terhadap mereka yang mempunyai kesalahan kompaun selepas tamat tempoh tawaran itu.

Orang ramai boleh menikmati kadar khas itu dengan membuat bayaran atau semakan menerusi Kaunter Pandu Lalu Ibu Pejabat MDKS atau melalui aplikasi telefon pintar Smart Selangor Parking dan Flexi Parking.

Baharui lesen niaga dalam talian

SHAH ALAM - Sistem e-lesen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dijenamakan semula kepada e-lesen Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) 2.0 – 'Be Smart & Safe'.

Timbalan pengarah Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik berkata langkah itu selari keadaan semasa Covid-19 yang membataskan hubungan fizikal dalam kalangan masyarakat khususnya peniaga.

"Ia juga kesinambungan pemerkasaan perkhidmatan secara dalam talian tanpa pelanggan perlu berurusan di kaunter bersepadu MBSJ," kata Azfarizal Abdul Rashid dalam kenyataan.

Beliau berkata penjenamaan meliputi dua kategori perkhidmatan iaitu permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan.

"Bagi lain-lain kategori lesen seperti lesen penjaja dan lesen iklan luaran turut diakses melalui dalam talian," katanya.

FDARAT SELANGOR DIGITAL

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Unisel bantu siswa kurang mampu

SHAH ALAM - Universiti Selangor (Unisel) memperluas Biasiswa Bestari ke seluruh Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor mulai tahun depan, kata pengarah komunikasi korporatnya.

Hasril Abu Hassan berkata dana yang menawarkan yuran pengajian percuma terbuka kepada pelajar semester pertama untuk semua program diploma dan ijazah sarjana muda di kampus Bestari Jaya.

"Sebelum ini, kita menawarkan dana itu kepada pelajar kurang berkemampuan bagi kemasukan sesi Julai dan Ogos membabitkan 10 DUN terpilih.

"Susulan sambutan menggalakkan dan sempena sambutan 20 tahun Unisel, kita mengambil keputusan untuk perluas lagi ke seluruh DUN," katanya dalam kenyataan.

Hasril berkata pihaknya berharap dana berkenaan dapat meringankan beban keluarga pelajar terutama ketika berdepan wabak Covid-19.

Taska boleh operasi semasa PKPB

PUTRAJAYA - Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) awam dan swasta dibenarkan beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kata menteri pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.

Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata pembukaan taska berkenaan perlu mendapat kelulusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri dan mengikut tatacara operasi piawai (SOP) pada PKPB sebelum ini.

"Tidak ada halangan untuk mereka beroperasi. Kementerian faham sektor ekonomi perlu berjalan seperti biasa dan ibu bapa perlu keluar bekerja," katanya.

Beliau berkata antara SOP yang perlu dipatuhi di taska ialah ibu bapa perlu memandikan anak di rumah sebelum dihantar ke taska, selain anak-anak perlu dihantar mengikut jadual ditetapkan bagi mengelak kesesakan sekiranya kesemua ibu bapa menghantar anak ke taska pada masa sama. – BERNAMA

Penerima terima bayaran dua kali

Yayasan Selangor tawar 466 biasiswa

OLEH **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Yayasan Selangor menawarkan biasiswa kepada 466 pelajar tingkatan satu tahun hadapan.

Pengarah kanannya berkata jumlah itu membabitkan 269 pelajar asrama daerah, asrama pusat (127) serta sekolah harian (50).

"Penerima biasiswa kecil layak mendapat RM700 setahun manakala biasiswa khas memperuntuk RM1,000 kepada penerimanya.

"Penerima akan menerima bayaran dua kali dalam setahun dan turut melihat kepada keputusan peperiksaan," kata Zahura Zakry pada 13 November.

Menurutnya, pelajar daripada keluarga berpendapatan tidak lebih RM2,000 dan tinggal di Selangor lebih 10 tahun boleh membuat permohonan.

"Pelajar dan ibu bapa juga haruslah warganegara. Bagi syarat akademik, pelajar perlu mendapat tahap tiga dalam semua mata pelajaran," katanya.

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi talian 03-76691218/1158/1117/1150 atau 1141 serta layari laman sesawang www.yayasanselangor.org.my

Program pendidikan digital diperluas

SHAH ALAM - Yayasan Selangor mengkaji keperluan untuk memperluas program pendidikan dalam talian kepada lebih ramai pelajar.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata program berkenaan juga dirangka selari agenda pendigitalan yang digariskan dalam Belanjawan Selangor 2021 untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

"Yayasan Selangor sedang mengkaji program pendidikan dalam talian yang lebih berkesan agar ia lebih memberi manfaat kepada peserta.

"Diharap program itu mendapat sambutan seperti Selangor Tutor yang dianjur ketika fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan program daripada dua kepada empat bulan," kata Eddie Ahmad Khodzali.

Selangor Tutor diperkenalkan pada 1 April menerusi pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin 2.0 dengan kerjasama Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan Yayasan Selangor selaku agensi penyelaras.

Lebih 130,000 soalan latih tubi disediakan dalam aplikasi berdasarkan piawaian kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Lebih 80,000 mendaftar sehingga 13 Mei.

Ujian penilaian Kafa Oktober 2021

KUALA LUMPUR - Ujian Penilaian Kelas Agama dan Fardu Ain (UPKK) bagi tahun ini ditunda berikutan penularan pandemik Covid-19 dan akan dilakukan serentak dengan UPKK tahun depan iaitu dari 4 hingga 7 Oktober 2021.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata keputusan itu dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam (Jakim) setelah mempertimbangkan kepentingan semua pihak.

Beliau berkata ia melibatkan lima subjek bertulis iaitu Ulum Syariah (Aqidah dan Ibadah), Sirah, Jawi dan Khat, Adab dan Lughah al-Quran.

"Sementara ujian bagi subjek al-Quran yang merangkumi Ujian Lisan Tadarus dan Tilawah al-Quran, Hafazan dan Tafsir al-Quran akan dilaksanakan 1 hingga 30 September 2021. Jadual pelaksanaan bagi ujian bertulis, amali dan lisan akan dimaklumkan kelak.

"Penjadualan ini membolehkan calon membuat persediaan mencukupi sebelum menduduki peperiksaan, tahun depan," katanya pada 11 November.

Beliau memaklumkan pindaan turut dilakukan untuk penilaian subjek berbentuk amali yang merangkumi Amali Solat dan Penghayatan Cara Hidup Islam.

Katanya, sebarang catatan penilaian sepanjang sesi persekolahan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) termasuk ujian bulanan, aktiviti dalam dan luar bilik darjah, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) boleh diambil kira sebagai satu bentuk penilaian.

UPKK dilaksanakan semasa pelajar berada di tahun lima dan calon perlu menduduki kelas Kafa iaitu program pengukuhan berkonsepkan pendidikan Islam peringkat rendah, sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga tahun untuk menduduki peperiksaan itu. – BERNAMA

EDARAN SELANGOR DIGITAL

Jakess ungguli anugerah tadbir cemerlang

SHAH ALAM - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (Jakess) meraih tempat pertama dalam Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) tahun ini.

Jakess turut mendapat kedudukan sama pada 2015 dan 2018.

"Alhamdulillah, tahniah Jakess atas kejayaan mengekalkan tempat pertama dalam APPC Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bagi tiga penilaian (2015, 2018 dan 2020).

"Tempat kedua diterima Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan tempat ketiga pula Lembaga Urus Air Selangor," katanya di Facebook.

Sementara itu, Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Dato' Dr Mohd Na'im Mokhtar mengucapkan tahniah kepada Jakess atas kejayaan tersebut.

Galak orang ramai sedekah

Infaq Yide di Shopee

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Orang ramai kini boleh menyumbang ke tabung Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) dengan membuat pembelian baucar RM10 dan RM50 di platform digital Shopee.

Pengurus besarnya Nur Mohd Razali Abdullah berkata saluran yang disediakan sejak awal November memudahkan penderma berinfaq sambil membeli-belah melalui aplikasi tersebut.

"Pembelian dalam talian menjadi trend masyarakat masa kini dan kita tidak mahu ketinggalan daripada aspek itu dengan menawarkan kemudahan kepada orang ramai untuk menderma.

"Penderma akan menerima resit pembelian baucar dan mendapat mata ganjaran Shopee serta pengecualian cukai pendapatan Lembaga Hasil Dalam Negeri," katanya pada 17 November.

Beliau memaklumkan sumbangan orang ramai melalui aplikasi tersebut boleh dipilih mengikut jenis infaq seperti anak yatim, musibah dan golongan memerlukan.

Mohd Razali berkata pihaknya juga merancang untuk menaikkan nilai pembelian baucar infaq kepada RM100 khusus bagi membiayai pembinaan Kompleks Anak Yatim.

"Kita berharap orang ramai mengetahui kewujudan platform tambahan untuk berinfaq ini dan memberi sokongan terhadap usaha Yide dalam membantu mereka yang memerlukan," katanya.

Orang ramai boleh melayari https://shopee.com.my/yide_official untuk pembelian.

Mais tawar khidmat dalam talian

SHAH ALAM - Orang ramai disaran memanfaatkan perkhidmatan dalam talian untuk berurusan dengan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menerusi laman sesawang rasminya www.mais.gov.my

Dalam kenyataannya, Mais memaklumkan antara perkhidmatan yang disediakan adalah permohonan wasiat, katalog hartanah, sumbangan derma dan saham wakaf.

Selain itu, urusan bayaran sewa hartanah, premis atau tanah baitulmal, bayaran fidyah, kaffarah dan tebus pusaka juga boleh dilakukan.

Mais mahu memudahkan urusan orang Islam melalui perkhidmatan itu di samping mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

"Ia lebih mudah, hanya di hujung jari serta dapat mengurangkan risiko penyebaran Covid-19," menurut kenyataan di Facebook pada 16 November.

Mais mahu memudahkan urusan orang Islam melalui perkhidmatan itu di samping mematuhi arahan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat. Ia lebih mudah, hanya di hujung jari serta dapat mengurangkan risiko penyebaran Covid-19

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Surau lebuh raya Plus dibuka semula

KUALA LUMPUR - Semua surau di kawasan rehat dan rawat (R&R), hentian sebelah serta plaza tol di lebuh raya kendalian PLUS Malaysia Berhad (Plus) termasuk di Negeri Sembilan dibuka semula pada 16 November.



Plus dalam kenyataan memaklumkan ia selari dengan keputusan Jabatan Agama Islam di kawasan dan negeri yang melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sehubungan itu, pengguna lebuh raya yang berhenti untuk menunaikan solat di kawasan berkenaan dinasihatkan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan keselamatan semua pihak.

"Pengguna juga diingatkan untuk membawa kelengkapan solat sendiri seperti telekung dan sejadah bagi memastikan kebersihan diri terjaga ketika solat kerana kelengkapan tersebut tidak disediakan buat masa ini," maklum kenyataan itu.

Selain itu, Plus juga memastikan surau dan kemudahan awam lain sentiasa disanitasi secara berjadual serta membuat penandaan penjarakan sosial. – BERNAMA

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:39	5:49	6:58	1:01	4:23	6:59	8:12
20 Jumaat	5:39	5:49	6:58	1:02	4:24	6:59	8:12
21 Sabtu	5:40	5:50	6:58	1:02	4:24	7:00	8:13
22 Ahad	5:40	5:50	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13
23 Isnin	5:40	5:50	6:59	1:02	4:25	7:00	8:13
24 Selasa	5:40	5:50	6:59	1:03	4:25	7:00	8:14
25 Rabu	5:41	5:51	7:00	1:03	4:25	7:01	8:14

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
20 Jumaat	5:42	5:52	7:00	1:04	4:26	7:01	8:14
21 Sabtu	5:43	5:53	7:01	1:05	4:27	7:01	8:15
22 Ahad	5:43	5:53	7:01	1:05	4:27	7:02	8:15
23 Isnin	5:43	5:53	7:01	1:05	4:27	7:02	8:15
24 Selasa	5:43	5:53	7:02	1:05	4:28	7:02	8:15
25 Rabu	5:44	5:54	7:02	1:06	4:28	7:02	8:16

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
19 Khamis	5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13
20 Jumaat	5:39	5:49	6:59	1:02	4:24	7:00	8:13
21 Sabtu	5:40	5:50	6:59	1:02	4:25	7:01	8:14
22 Ahad	5:40	5:50	7:00	1:03	4:25	7:01	8:14
23 Isnin	5:40	5:50	7:00	1:03	4:25	7:01	8:14
24 Selasa	5:40	5:50	7:00	1:03	4:26	7:01	8:15
25 Rabu	5:41	5:51	7:01	1:04	4:26	7:01	8:15

EDARAN DIGITAL SELANGOR

SelangorTV
Tonton SelangorTV
selangortv.my

Bantu pusat pemulihan, kakitangan MPK

Jais hulur set cegah virus

OLEH **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyumbangkan pelitup muka kepada 227 petugas Pusat Koreksional Puncak Alam pada 4 November lalu.

Bantuan melalui Pusat Agama Islam Daerah (Paid) Klang turut membabitkan barangan kering selain makan malam selama tiga hari kepada petugas dan keluarga.

"Pemberian ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban ditanggung petugas hadapan. Mereka bertungkus lumus memerangi pandemik Covid-19," kata jabatan itu di Facebook.

Mengikut Jais, Paid Klang turut menyumbang set pelindung diri (PPE) dan peralatan pembersihan termasuk cecair pembasmi kuman kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang berusaha mengekang wabak.

Pemberian ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban ditanggung petugas hadapan. Mereka bertungkus lumus memerangi pandemik Covid-19

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"Seramai 250 kakitangan MPK juga menerima pek sarapan dan makanan tengah hari sebagai tanda sokongan kepada komitmen mereka," katanya.

Pusat Agama Islam Daerah Klang menyerahkan pelitup muka kepada petugas barisan hadapan Pusat Koreksional Puncak Alam pada 4 November

Kumpulan Perangsang sumbang PPE petugas hadapan

Mohd Fauzi (kanan) menyerahkan sumbangan PPE kepada Dr Nik Mazlina untuk kegunaan petugas hadapan Klinik Kesihatan Kelana Jaya pada 5 November

KUALA LUMPUR - Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS) menyumbang bekalan perubatan berupa peralatan perlindungan peribadi (PPE) kepada Klinik Kesihatan Kelana Jaya (KKKJ) pada 5 November lalu.

Pengarah Bersekutu, Perhubungan Pelabur dan Komunikasi Strategik KPS Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata ini merupakan tanggungjawab bersama antara KPS dengan anggota masyarakat.

"Diharapkan sumbangan kami akan membantu mengatasi isu kekurangan PPE kerana semua peralatan ini adalah barangan pakai buang yang penting dan digunakan setiap hari bagi ujian saringan jangkitan itu," katanya pada 12 November.

Kumpulan itu menyumbang PPE bernilai RM44,550 termasuk 20,000 pasang sarung tangan getah pakai buang, 5,000 keping pelitup muka pembedahan, 200 unit pelindung muka, 245 liter cecair nyahkuman dan 188 set sut serta 20 unit kerusi plastik dan tiga unit pengimbas suhu bagi menambah baik kemudahan di klinik itu.

KPS melalui inisiatif lestarinya turut memperuntukkan dana RM2 juta bagi menangani kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial pemegang taruhnya terutama kepada anggota masyarakat.

Sementara itu, Ketua KKKJ Dr Nik Mazlina Mohammad berkata sumbangan itu tepat pada masanya memandangkan peningkatan kes Covid-19 di Lembah Klang menyebabkan pertambahan permintaan PPE terutama bagi kakitangan yang bertugas di zon merah dan yang terlibat dalam kes kecemasan membabitkan pernafasan. - BERNAMA

Air Selangor

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000005272	SUPPLY AND DELIVER PRESSURE REDUCING VALVE (PRV) AND SINGLE POINT INSERTION ELECTROMAGNETIC FLOWMETER (SPI)

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di **https://www.airselangor.com/service/tenderlists** atau menyertai saluran Telegram kami di **https://t.me/tenderairselangor** untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor.** Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: **https://www.airselangor.com/business-with-us/contractor-vendorsupplier-plumber-registration-guideline** dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

Team Selangor agih 4,000 botol air

SHAH ALAM - Sukarelawan Team Selangor mengedar hampir 4,000 botol minuman lima liter kepada pengguna tiga wilayah yang bekalan air mereka terjejas.

Ketua Sekretariat Syahaizel Keman berkata agihan dengan kerjasama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) meliputi Petaling, Klang dan Kuala Langat pada 11 November lalu.

"Seramai 60 sukarelawan terdiri 20 pelajar institusi pengajian tinggi dan 40 komuniti digerakkan bagi membantu kerja agihan bermula jam 2 petang.

"Kita sasarkan agihan kepada warga emas, keluarga yang ada ahli terlantar sakit dan orang kelainan upaya (OKU). Air Selangor pula fokus rumah pangsa kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)," katanya.

Pada 10 November, LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas berikutan pencemaran bau dikesan di Sungai Selangor sekali gus menjejaskan lebih 1.1 juta akaun pengguna.

EDARAN SELANGOR DIGITAL

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI
App Store Google Play

Dua taska dapat alatan pembelajaran

Pekawanis bantu anak petugas hadapan

OLEH **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) menyerahkan barangan pembelajaran kepada dua taska tambahan yang diwujudkan Kerajaan Negeri.

Yang dipertuanya berkata sumbangan peralatan antaranya pensel warna dan kertas lukisan membolehkan anak petugas barisan hadapan dapat mengisi masa dengan aktiviti berfaedah.

"Barangan lain diberikan adalah pelitup muka dan cecair pembasmi kuman.

"Pekawanis turut melihat barangan lain diperlukan memandangkan taska ini didirikan dalam masa singkat selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diumumkan. Tujuh lagi taska akan dilawat dalam masa terdekat," kata Datin Seri Masdiana Muhamad pada 17 November.

Pada hari sama, isteri Dato' Menteri Besar melakukan lawatan ke taska tambahan di Hospital Shah Alam dan bangunan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

Oktober lalu, Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan pengaktifan semula sembilan taska tambahan sebagai tempat penjagaan anak petugas barisan hadapan sepanjang PKPB.

Masdiana (tengah) melihat aktiviti anak-anak petugas barisan hadapan di Taska Frontliners di Wisma Sunway, Shah Alam pada 17 November

Lokasi meliputi Hospital Sungai Buloh, Hospital Banting, Hospital Selayang, Hospital Kajang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

Syria Care terima lebih RM30,000

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) menyerahkan sumbangan RM30,360 kepada Syria Care pada 10 November lalu.

Selain itu, Pekawanis turut mewakafkan empat rumah di Kampung Malaysia Syria Care, Projek Wakaf Perumahan Pelarian Syria di Al Bardaqli, Atma, utara Syria.

"Dua daripada rumah itu hasil usaha Yang Amat Mulia Tengku Puteri Datin Paduka Arafiah Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj," maklum pertubuhan amal itu di Facebook.

Serahan dilakukan Yang DiPertua Pekawanis Datin Seri Masdiana Muhammad kepada Pengerusi Syria Care Siti Sakinah Meor Omar Baki di kediaman rasmi Dato' Menteri Besar Selangor.

Setakat ini, sebanyak 292 unit rumah bagi projek itu diwakaf oleh orang ramai.

Pada masa sama, Syria Care juga mengumpul dana untuk menyiapkan Souq Barakah, sebuah premis perniagaan yang menjual pelbagai barangan keperluan harian seperti bahan dapur, buah-buahan dan daging mentah.

Dibuka serendah RM30, orang ramai yang ingin membuat wakaf tunai Souq Barakah boleh layari https://www.syriacare.org.my/shop/wakaf-tunai-souq-barakah/

Pakej iklan terbaik

200,000 naskhah* setiap minggu

Baca edisi e-akhbar kami di selangorkini.my/e-selangorkini/

MediaSelangor

HUBUNGI KAMI

Nadhrah Azlan nadhrah@mediaselangor.com
Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

03-5523 4856
03-5523 5856
info@mediaselangor.com

Media Selangor Sdn Bhd
anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI)
Aras 11 Menara Bank Rakyat
No. 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14
40000 Shah Alam

* Edisi bahasa Melayu diedar seluruh Selangor
Tidak termasuk:
70,000 naskhah edisi Mandarin (dwimingguan)
70,000 naskhah edisi Inggeris (bulanan)
50,000 naskhah edisi Tamil (bulanan)

Intisari & inisiatif
Belanjawan Selangor 2021
Maklumat lanjut, layari
www.amirudinshari.com

Tidak jejas prestij Piala Malaysia

Red Giants diminta kekal stamina

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Pemain skuad Red Giants diminta mengekalkan stamina dan terus bersemangat sekalipun saingan Piala Malaysia musim ini dibatalkan.

EXCO sukan berkata pihaknya memahami kekecewaan pemain tetapi keputusan tersebut demi keselamatan semua pihak.

"Majlis Keselamatan Negara (MKN) tentu mengambil semua pertimbangan sebelum membuat keputusan, jadi pihak terlibat perlu terbuka dan akur arahan.

"Risiko pemain terdedah kepada wabak tetap tinggi walaupun perlawanan diadakan tanpa penonton, apatah lagi kes harian masih tinggi," kata Mohd Khairuddin Othman pada 13 November.

Beliau menegaskan pembatalan tersebut tidak akan memadamkan prestij Piala Malaysia sebagai pertandingan bola sepak tertua di Asia Tenggara.

Pada 11 November lalu, MKN menolak rayuan Liga Bolasepak Malaysia (MFL) untuk meneruskan baki Piala Malaysia yang memasuki peringkat suku akhir.

Karsten Neitzel kemudi skuad bola sepak

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) mengumumkan pelantikan Karsten Neitzel sebagai ketua jurulatih pasukan Red Giants untuk saingan Liga Malaysia tahun depan.

Pengarah Teknikal FAS Michael Fiechtenbeiner berkata jurulatih berusia 52 tahun dari Jerman memiliki pengalaman luas dalam bola sepak dan pemilihannya dijangka mampu membawa Selangor ke tahap lebih tinggi.

"Neitzel berpengalaman menguruskan pasukan Bochum VFL, SV Eleversberg serta membawa Holstein Kiel ke divisyen dua Liga Jerman. Beliau juga pernah bermain untuk pasukan Freiburg di Bundesliga," katanya pada 16 November.

Beliau berkata Neitzel tiba di tanah air pada pertengahan bulan lalu dan melengkapkan proses kuarantin yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menurut Feichtenbeiner, ketua jurulatih tersebut mahu mencipta nama dalam arena bola sepak Asia dan yakin mempunyai motivasi untuk membuktikan kemampuannya.

"Tumpuan kami adalah melahirkan pemain sendiri untuk beraksi dalam Liga Malaysia, jadi kami perlukan ketua jurulatih yang terbuka menggunakan pemain muda.

"Neitzel jurulatih yang berani. Jika beliau nampak kualiti yang bagus pada pemain muda, beliau akan berikan peluang," kata Feichtenbeiner.

MSN nilai semula status jurulatih SUKMA

SHAH ALAM - Status kontrak 92 jurulatih Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor bergantung kepada keperluan kejohanan pada 2022, kata pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN).

Mohamad Nizam Marjugi berkata kontrak mereka yang berakhir Mac tahun depan akan dinilai secepat mungkin bagi memastikan prestasi dan persiapan atlet berada tahap pada terbaik.

"Kebiasaannya persiapan dilakukan setahun sebelum kejohanan. Jadi jika SUKMA diadakan pada 2022, kita kena pastikan persiapan atlet dimulakan sejak awal 2021.

"Insya-Allah, kontrak semua jurulatih akan disambung tetapi kita nilaikan semula berdasar keputusan teknikal pada peringkat MSN," katanya pada 14 November.

SUKMA dan Para SUKMA 2020 Johor dibatalkan susulan penularan Covid-19 yang memasuki gelombang ketiga di negara ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata Johor diberi hak penganjuran edisi 2022 kerana negeri itu bersedia dari segi perancangan, pengurusan, teknikal dan kemudahan pertandingan.

SUKMA yang dijadual berlangsung pada Julai ditangguh ke 6 hingga 14 Mac 2021 sebelum dijadualkan semula ke 2 hingga 10 April tetapi akhirnya dibatal.

Jumpa bekas pemain selesai isu hadiah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengatur pertemuan dengan bekas pemain dan pegawai yang menuntut hak tawaran sebidang tanah susulan kejayaan skuad Selangor merangkul Piala Malaysia 1995.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia bagi mencari penyelesaian berhubung status tawaran tanah seluas 0.4 hektar yang dijanjikan kepada mereka.

"Walaupun ini bukanlah beban kepada Kerajaan Negeri tetapi mereka semua banyak menyumbang kepada kejayaan dan kegemilangan Selangor suatu ketika dahulu serta dikenali sehingga sekarang.

"Jadi, saya berasa simpati terhadap mereka semua. Bagaimanapun kita perlu teliti sebarang bentuk bantuan yang boleh diberi," katanya pada 12 November.

Amirudin berkata pihaknya juga akan meneliti semula maklumat daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi mendapatkan kepastian sama ada tawaran tersebut pernah diluluskan atau sebaliknya.

Pada 11 November lalu, skuad Piala Malaysia Selangor 1995 mempersoal tawaran sebidang tanah yang dijanjikan kepada mereka kira-kira 25 tahun lalu selepas kejayaan merangkul trofi berkenaan.

FAM atasi masalah tunggakan gaji

KUALA LUMPUR - Isu jadual bola sepak yang tidak menentu dan masalah tunggakan gaji adalah antara perkara dibincangkan dalam perjumpaan wakil Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM), Liga Bolasepak Malaysia (MFL) dan Persatuan Pemain Bolasepak Profesional Malaysia (PFAM) pada 11 November lalu.

Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin berkata badan induk itu dan MFL, selaku pentadbir Liga Malaysia, komited dalam mengukuhkan kerjasama dengan PFAM bagi mengatasi beberapa masalah yang membelenggu arena bola sepak di negara ini, terutama melibatkan pemain tempatan.

"Lantaran itu, kerjasama penting untuk kita menambah baik gerak kerja kedua-dua organisasi demi memelihara kepentingan pemain serta memperkasakan mutu bola sepak negara.

"Kami juga berbincang dan memberi cadangan untuk mengukuhkan cara serta pemahaman pengurusan penswastaan kelab kerana ia penting untuk pembangunan pemain serta bidang bola sepak secara keseluruhan," katanya. - BERNAMA

Diterbitkan oleh **Media Selangor Sdn Bhd** (sebelumnya dikenali **Communication Corporation Sdn Bhd**), Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.
Dicetak oleh **Print Towers Sdn Bhd**, Balai Berita Shah Alam, No.16, Jalan Astaka U8/88, Seksyen U8, Taman Industri Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor

IDARAH SELANGOR DIGITAL